قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

**DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan semulia-mulia akhlak". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.10 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.11 | ISYAK 7.20

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 120 | 5 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأول 9 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# 79 GURU TERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Bersama Majlis Penyampaian Anugerah ketika menyempurnakan penyampaian Anugerah Penghargaan (Special Mention) Hari Guru kepada salah seorang penerima sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2022 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Selasa, 4 Oktober. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Penghargaan (Special Mention) Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2022 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada pagi ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Penasihat Bersama Majlis Penyampaian Anugerah.

**>> Muka 3**

# Sertai Kaji Selidik Status Kesihatan, Pemakanan Kebangsaan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Oktober. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menjalankan satu kaji selidik, iaitu Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Ke-3 (3rd National Health and Nutritional Status Survey, NHANSS) yang bertujuan untuk memastikan kelaziman (*prevalence*) dan trend pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit (NCD) serta pelbagai faktor risikonya dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya pelbagai faktor risiko yang berkaitan dengan pemakanan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

**>> Muka 3**

# Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

**Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah @Liew Nyok Len dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pertanian dan Agrimakanan di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mulai 12 September 2022.

# Bertahlil sempena Penukaran Nama BSB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Oktober. - Pertukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) kini sudah menjangkau 52 tahun bagi ibu kota Negara Brunei Darussalam.

Bersempena dengan Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada BSB Ke-52 pada tahun ini, Jabatan Bandaran, BSB hari ini mengendalikan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong petang tadi.

Majlis berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



**BRUNEI - Jerman kongsi pandangan sama**

**Muka 7**



**USAHA majukan landskap industri ICT Brunei**

**Muka 8**



RENCANA

**TIGA abad penubuhan YSHHB**

**Muka 21**



# Mantapkan syakhsiah, pedagogi guru

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Ke-12 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada pagi ini.

Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan diatas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Ucapan yang sama juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga di atas doa dan dorongan mereka bagi kejayaan anak-anak.

Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan juga kepada para Ahli Akademik KUPU SB yang telah memberikan bimbingan dedikasi kepada para graduan.

KUPU SB sangat terikat untuk mencontohi Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selaku 'Guru Tertinggi' untuk mengajar dan membimbing umat dengan ajaran-ajaran yang dibawa Baginda.

Maka dalam hubungan ini, KUPU SB, selaku institusi perguruan, di samping terikat dengan program-program akademiknya, ia juga perlu terlibat untuk memberikan kursus-kursus atau latihan-latihan pemantapan syakhsiah dan pedagogi kepada guru-guru, bukan sahaja guru-guru Pendidikan Islam, malah juga guru-guru seperti Sains, Matematik dan sebagainya.

Pemantapan syakhsiah guru adalah merujuk kepada penyerapan nilai-nilai MIB dan kerohanian di kalangan para guru, supaya setiap pengajaran dan pembelajaran itu mempunyai nilai-nilai ibadat dan amal salih.

Inilah kelainan yang ketara pendidikan Islam itu sebagai tidak meminggirkan perkara-perkara ukhrawi.

Beta juga mengetahui bahawa KUPU SB telah menyahut titah beta semasa Hari Belia yang lepas, dengan menyediakan program-program pembinaan syakhsiah belia. Langkah ini memanglah bagus dan malah terpuji, kerana tanggungjawab pusat pengajian tinggi bukan sahaja untuk mendidik para pelajarnya, bahkan juga turut mendidik anggota masyarakat.

Beta juga mengambil maklum bahawa KUPU SB sentiasa membuat penilaian terhadap keberkesanan kurikulumnya, termasuk menggubal semula kurikulum bagi program-program lepas ijazah. Ini dibuat, supaya para siswa dan siswi, peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah mampu untuk berbincang dan berhujah menyelesaikan isu-isu terkini berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadis.

Mengambil positif langkah KUPU SB ini, beta ingin menyarankan supaya semua Institusi Pengajian Tinggi patut menilai dan jika perlu, menggubal semula kurikulum program masing-masing bagi mewajarkan semua ilmu yang diperolehi akan benar-benar dapat dimanfaatkan, bukan sahaja bagi diri sendiri malahan juga untuk memenuhi keperluan negara.

>> Muka 6



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Ke-12, Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | RABU | 9 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |
| 6 | KHAMIS | 10 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 7 | JUMAAT | 11 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 8 | SABTU | 12 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.19 |
| 9 | AHAD | 13 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 10 | ISNIN | 14 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 11 | SELASA | 15 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 24 °C | 30 24 °C | 29 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 24 °C | 30 24 °C | 29 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 30 24 °C | 29 24 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 30 24 °C | 29 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 5 OKTOBER 2022

### Hidupkan sunnah sebagai tanda kasih kepada Rasulullah

**ALHAMDULILLAH,** rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dalam masa beberapa hari lagi umat Islam di seluruh dunia termasuk negara kita akan menyambut hari yang begitu istimewa dalam tahun Islam iaitu hari memperingati kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Maulidur Rasul. Pada setiap tahun, Maulidur Rasul diraikan pada setiap 12 Rabiulawal bulan Hijrah. Di negara kita, untuk menyambut istimewa ini pelbagai acara keagamaan akan dirancang dan dijalankan seperti majlis zikir, majlis ceramah dan sebagainya. Semua ini diadakan sebagai tanda kasih dan sayang terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Selain dari mengikuti majlis-majlis keagamaan, memperbanyakkan selawat dan zikir untuk memperingati kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai umat Islam, kita juga boleh menunjukkan rasa kasih kita kepada Baginda Rasulullah dengan cara mengikut sunnah-sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga meninggalkan apa yang telah dilarang-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Hasyr, ayat 7, "*Dan apa jua suruhan yang diberikan oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah (amalkanlah) dan apa jua yang kamu dilarang melakukannya maka tinggalkanlah*". Mengikut sunnah dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah dituntut dalam Islam. Apabila kita mengikut atau mengamalkannya ia akan membantu membimbing kita ke arah membina akhlak dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah insan yang sangat istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala yang memiliki akhlak yang sangat mulia. Menghidupkan atau mengikuti sunnah Baginda Rasulullah adalah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat besar.

Bagaimana untuk kita mengetahui akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam? Jawapannya, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berakhlak Al-Quran. Apa yang diperintahkan di dalam Al-Quran akan dilakukan oleh Baginda dengan taat dan apa yang dilarang Al-Quran akan ditinggalkan. Baginda Rasulullah mempunyai ketaatan amat tinggi kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan akhlak Baginda yang sangat mulia menjadikannya contoh umat Islam terbaik. Sesiapa yang ingin memperolehi keberkatan dan kejayaan dunia dan akhirat maka amalkanlah sunnah dan ajaran Baginda dan contohilah cara hidup serta keperibadian Baginda. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21, "*Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah*". **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 79 guru terima Anugerah Penghargaan Hari Guru

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**>> Muka 1**

Seramai 79 orang menerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) yang terdiri daripada para penerima bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin semasa menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, Anugerah Penghargaan Hari Guru diperkenalkan sebagai insentif dan pengiktirafan kepada para pendidik yang telah berjaya memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan sekolah dan institusi-institusi pendidikan dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

"Sumbangan khidmat bakti mereka tidak terhad kepada institusi pendidikan tempat mereka bertugas tetapi juga dilihat daripada peringkat penglibatan mereka di peringkat kemasyarakatan dan kebangsaan," ujar beliau.

Pemilihan dan sokongan para penerima anugerah juga jelasnya, telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dilantik di beberapa peringkat termasuklah jabatan, kementerian dan seterusnya di peringkat Kebangsaan.

"Oleh yang demikian, ia bukanlah satu proses yang mudah bagi penerima untuk terpilih hingga ke peringkat ini.

"Bagi penerima pula, penganugerahan ini merupakan satu pencapaian atau *milestone* dalam sejarah perkhidmatan sebagai tenaga pengajar atau pemimpin sekolah.

"Dalam hal itu, kaola saya turut percaya bahawa penyampaian anugerah pada hari ini akan menjadi penanda aras bagi para penerima untuk terus mengekalkan dan meningkatkan pencapaian yang cemerlang," tambahnya.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) kepada pada penerima.

Acara diikuti lagi dengan tayangan klip video Hari Guru yang mempamerkan aspek pedagogi dan evolusi teknologi dalam pendidikan formal dan ugama di Negara Brunei Darussalam melalui perspektif guru serta tayangan video klip lagu tema Hari Guru Ke-32, 'Guruku Harapan Negara'.

Salah seorang penerima, Kwan Fui San yang mengajar subjek bahasa Mandarin di Sekolah Menengah Chung Hwa berkata, beliau berasa bangga kerana menerima penghargaan berkenaan selepas 25 tahun berkhidmat sebagai tenaga pengajar di sekolah berkenaan.

"Ini sekali gus memberi semangat kepada para guru yang mengajar bahasa Mandarin di negara ini.

"Semakin ramai pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin. Di sekolah tempat saya mengajar, ramai juga pelajar berbangsa Melayu yang mendapat markah sangat cemerlang dalam kertas peperiksaan IGSCE bagi subjek bahasa Mandarin," katanya.

Menurutnya, sekarang merupakan masa yang terbaik untuk kita memperluaskan lagi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan para guru dan pelajar.

"Saya berpendapat menerima pelbagai budaya itu adalah sesuatu yang bagus kerana kepelbagaian merupakan pemaju atau penggalak kehidupan kita, " katanya.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyempurnakan penyampaian Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) kepada penerima.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Penasihat Bersama Majlis Penyampaian Anugerah semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Sementara itu, Dayang Suraya binti Haji Julaihi, yang juga salah seorang penerima memberitahu, beliau tidak menyangka akan memperoleh anugerah yang sangat berharga itu.

"Saya merasa sangat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki yang telah diperoleh," katanya.

Beliau telah berkhidmat sebagai guru subjek Kesusasteraan Melayu selama 16 tahun dan pada masa ini berkhidmat di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

"Rancangan saya pada akan datang adalah untuk sentiasa memperbaiki dan mempelajari lagi pelbagai teknik, strategi serta pendekatan pengajaran bagi membantu para pelajar dalam pembelajaran, di samping membantu dan menyumbang serta berkongsi sama dengan para guru yang lain untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dari semasa ke semasa.

"Ini adalah dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran bagi menarik minat para pelajar dan dapat melahirkan generasi yang berilmu berpendidikan dan berkemahiran sesuai dengan matlamat Wawasan Negara 2035," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor, Ra'es, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.

# COVID-19 : 305 kes baharu dilaporkan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Oktober. - Jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan sedikit peningkatan dalam masa satu minggu kebelakangan ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah sebanyak 268 kes sehari, berbanding dengan 210 kes sehari pada minggu sebelumnya.

"Sebanyak 45,365 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu dengan 4.1 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif," ujar Yang Berhormat semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Pada hari ini jelas Yang Berhormat, tidak ada kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5, iaitu kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan memerlukan bantuan oksigen.

Sehingga kelmarin, 2 Oktober 2022 tambah Yang Berhormat lagi, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.5 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan sebanyak 10.5 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

"Pada hari ini, sebanyak 305 kes baharu telah dilaporkan, iaitu 304 kes hasil daripada pengesanan ART dan satu kes adalah hasil daripada 110 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam tempoh masa 24 jam yang lalu," ujar Yang Berhormat.

Dalam masa 24 jam yang lalu jelas Yang Berhormat, satu kes COVID-19 telah meninggal dunia dan kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Yang Berhormat mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat NBD mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solehin.




YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

# COVID-19 : 218 KES DILAPORKAN SEMBUH

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Sebanyak 218 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 226,602.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 4 Oktober 2022, sebanyak 85.5 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.5 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.5 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# Sertai Kaji Selidik Status Kesihatan, Pemakanan Kebangsaan

**>> Muka 1**

Menurut Yang Berhormat, kaji selidik berkenaan mengandungi dua fasa, iaitu fasa pertama akan bermula pada Oktober 2022 hingga Januari 2023 dan akan memfokuskan kepada pelbagai faktor risiko umum dalam kalangan orang dewasa yang berumur di antara 18 hingga 69 tahun.

Sementara itu jelas Yang Berhormat, fasa kedua yang akan diadakan pada bulan Februari hingga Mei 2023 akan menyasarkan pelbagai isu berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak dan wanita mengandung.

Bagi kedua-dua fasa berkenaan tambah Yang Berhormat, penyelidik terlatih akan mengunjungi rumah-rumah yang terpilih di keempat-empat buah daerah untuk menemu bual ahli keluarga yang terpilih dan menjalankan pemeriksaan tertentu.

"Orang ramai yang terpilih adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama bagi menjayakan kaji selidik ini, yang diharapkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan menilai keberkesanan pelbagai strategi dan program kesihatan yang disediakan di negara ini, khususnya dalam usaha pihak kerajaan mencegah kematian pramatang akibat pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit," ujar Yang Berhormat lagi.

PELITA BRUNEI

# ...Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong (atas dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TUTONG**, Selasa, 4 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam, diakhiri dengan Dikir Marhaban selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis disempurnakan lagi dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa 40 buah buku Dikir Syarafil Anam dan Doa-doa bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM kepada Imam Masjid berkenaan, Awang Aisamuddin bin Haji Saleman.

Turut hadir menyertai para jemaah ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan JPM.





**ANTARA yang hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam berkenaan.**

## Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah di Masjid Universiti Brunei Darussalam (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang turut hadir pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 4 Oktober. - Laungan Dikir terus berkumandang di seluruh masjid, surau dan balai-balai ibadat di negara ini bagi memperingati kelahiran dan menzahirkan rasa syukur serta kasih ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan persembahan Dikir Syarafil Anam, dan disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis yang sama sebelumnya telah diadakan di Masjid Kampung Kilanas pada Jumaat, 4 Rabiulawal 1444H bersamaan 30 September 2022M.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja berkenaan adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan kelolaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



## Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.**

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Selasa, 4 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, di sini.

Majlis tersebut dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan Dikir Maulud yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Manakala bacaan Dikir Assalamualaika diketuai oleh Imam Tingkat I masjid berkenaan, Awang Abdul Hafiy bin Yahya serta jemaah masjid dan Dikir Khairuman dan Dikir Badat oleh Kumpulan Firqah Al-Falaah, KKBS.

Setelah sempurna menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban serta Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; pengarah-pengarah, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# ...Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Kementerian Pendidikan

**JERUDONG**, Isnin, 3 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Jabatan Pengurusan Pendidik tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong.

Seramai 90 pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan hadir ke majlis berkenan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan bagi sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib, diikuti dengan penyerahan wakaf para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan kepada Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong, Amaludin bin Haji Jamaludin, yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan bagi memulakan Dikir Khairuman.

Seterusnya majlis diserikan lagi dengan bacaan Doa Selamat untuk memberkati majlis dan diteruskan dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah yang diketuai oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Selepas menunaikan Solat Fardu Isyak Berjemaah, bacaan Dikir Marhaban dan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong.

Turut menghadiri majlis berkenaan, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; ketua-ketua jabatan; para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong.**



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan menyerahkan wakaf para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan kepada Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong, Amaludin bin Haji Jamaludin.**

## Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TEMBURONG**, Isnin, 3 Oktober. - Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Daerah Temburong, diadakan di Masjid Kampung Labu Estate, Mukim Labu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Khairulamirin Fitri bin Haji Samsuddin.

Setelah itu, acara diteruskan dengan Majlis Dikir Maulud beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa Dikir oleh Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli juga imam masjid berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa memohon kepada Allah supaya terselamat daripada bala dan segala jenis penyakit dibacakan oleh imam masjid tersebut, Awang Khairulamirin Fitri.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir di majlis tersebut, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



**SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Daerah Temburong yang diadakan di Masjid Kampung Labu Estate, Mukim Labu.**

## Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TEMBURONG**, Isnin, 3 Oktober. - Dalam sama-sama memperingati dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara terus bergema dengan laungan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut yang bermula pada 1 Rabiulawal lalu.

Sehubungan itu, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Kampung Batu Apoi.

Mengetuai rombongan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis seumpamanya diadakan adalah bagi meraih keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa serta pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam, di samping menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta untuk memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis seumpama ini juga diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Pegawai dan Kakitangan KHEU bersama jemaah masjid dan penduduk kampung.

Dikir 12 Malam berturut-turut bagi rombongan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Pekan Seria, Daerah Belait, pada Rabu, 5 Oktober 2022, bermula selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mengetuai rombongan pada Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Kampung Batu Apoi.**

# BERTAHLIL SEMPENA PENUKARAN NAMA BSB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**>> Muka 1**

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Muhd Arif bin Haji Johari.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dalam kawasan BSB.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena dengan Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan Ke-52.**

## ...Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**KAMPUNG MANGGIS / MADANG**, Selasa, 4 Oktober. - Bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, laungan bacaan dikir terus bergema di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Dalam menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) malam tadi hadir ke Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444H / 2022M bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Turut hadir pada majlis itu, ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya dan penduduk setempat.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani dan seterusnya diikuti dengan bacaan Dikir Syarafil Anam dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis disudahi dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Adapun tujuan majlis diadakan bagi memakmurkan masjid, di samping memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah serta penduduk sekitar dengan pegawai dan kakitangan KSSUP.

Rombongan KSSUP seterusnya akan menghadiri Majlis Dikir di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, pada 9 Oktober 2022.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444H / 2022M bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang (atas). Manakala gambar bawah, sekitar yang hadir pada majlis berkenaan.**



### HASRAT NEGARA

# Mantapkan syakhsiah, pedagogi guru

**>> Muka 2**

Negara memang memerlukan program-program akademik dan intelektual yang praktis. Praktis dalam erti kata dapat menyelesaikan isu masyarakat, termasuk meningkatkan kemudahan teknologi, memantapkan ekonomi, menyediakan sumber keselamatan makanan dan juga keselamatan negara.

Beta juga mengambil ingatan bahawa KUPU SB sedang mengendalikan Bengkel-bengkel Pengajaran Bahasa Arab bagi guru-guru ugama, yang sebelum ini juga menganjurkan kursus-kursus yang dinamakan sebagai Lughah Al-Mu'allim atau Bahasa Guru.

Dengan mutu yang semakin tinggi dan kegiatan-kegiatannya yang menyerlah, maka KUPU SB dilihat semakin popular di kalangan universiti-universiti antarabangsa, khasnya di rantau ini. Selain program perguruan Islamnya, KUPU SB juga dikenali sebagai mempunyai program-program ko-kurikulum yang mantap untuk melahirkan para pendidik yang kompeten.

Ini, menyerlahkan imej baik bagi KUPU SB.

Akhirnya, beta sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga KUPU SB, terutama Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli Senat, pegawai-pegawai utama, ahli-ahli akademik dan semua kakitangan di atas segala khidmat yang telah disumbangkan. Semoga Allah jua yang akan membalas dengan pahala berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# BRUNEI - JERMAN KONGSI PANDANGAN SAMA





YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Hari Perpaduan Jerman, berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Turut hadir, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**GADONG**, Isnin, 3 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Persekutuan Jerman mempunyai hubungan yang sangat baik sejak beberapa dekad lalu, di mana ia dirasmikan pada 30 Januari 1984, iaitu empat minggu setelah hari kemerdekaan NBD.

Pada 14 Mac 1985, iaitu 37 tahun lalu, Republik Persekutuan Jerman membuka kedutaannya di Bandar Seri Begawan dan pada 15 Oktober 1990, Brunei pula membuka kedutaannya di Berlin.

Dalam hubungan kerajaan, Jerman dan Brunei adalah rakan kongsi yang boleh dipercayai di antara satu sama lain. Kedua-duanya berkongsi pandangan yang sama mengenai nilai perintah antarabangsa berasaskan peraturan, multilateralisme dan kepentingan perdagangan bebas.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Gerda Winkler semasa menyampaikan ucapannya, pada Majlis Resepsi sempena Hari Perpaduan Jerman, berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Dalam bidang perniagaan, PYT mengongsikan, bahawa beberapa projek mereka telah menggabungkan ekonomi dan matlamat Negara Brunei Darussalam, antaranya ialah Butra Heidelberg Cement (BHC) yang beroperasi sejak 1996; Allianz yang bekerjasama bersama Insurans Nasional sejak 1998; Detecon yang menyediakan perkhidmatan dalam sektor telekomunikasi Brunei secara usaha sama bersama UNN; Medetech Sdn. Bhd., iaitu pembekal utama Teknologi Perubatan Jerman di Brunei; serta Siemens dan Fresenius.

"Salah satu projek utama kami telah mencapai peringkat akhir, kami menjangka kemudahan pengeluaran baja di Sungai Liang Industrial Park (SPARK) yang dibina oleh Thyssenkrupp akan diserahkan kepada pemiliknya, Brunei Fertilizer Industries tidak lama lagi.

"Dengan kapasiti pengeluaran 3,900 tan urea per hari ia merupakan salah satu kemudahan baja terbesar di Asia Tenggara. Ia diharap akan dapat menyokong strategi kepelbagaian ekonomi NBD," jelas PYT.

Menyentuh mengenai kebudayaan dan pendidikan, PYT menerangkan, bahawa seramai kurang lebih 100 pelajar dari Negara Brunei Darussalam belajar di Jerman setakat ini, di mana majoriti mereka adalah dalam bidang Teknikal dan Kejuruteraan.

Terdapat juga kerjasama di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Jerman (Bonn), sementara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga mempunyai rakan kerjasama di Jerman dalam bidang Kewangan Islam, tambah PYT lagi.

PYT seterusnya menjelaskan, bahawa bahagian penting dalam hubungan dua hala tersebut ialah sudut serantau yang kukuh, Jerman dan Brunei menganggap organisasi serantau sebagai asas yang sangat kukuh bagi keamanan dan kestabilan, sama ada ia di peringkat serantau mahupun global.

"Hubungan dua hala Jerman - Brunei terjalin dalam perkongsian EU - ASEAN yang lebih luas. EU ialah salah satu rakan dialog tertua ASEAN.

"Hubungan ini ditingkatkan lagi dengan Perkongsian Strategik, pada Disember 2020 dan kami sudah tidak sabar untuk memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama ini di EU - ASEAN Commemorative's Summit, yang akan berlangsung pada Disember 2022, di Brussels," ujar PYT lagi.

Tambahnya, Strategi EU bagi kerjasama di Indo-Pasifik, yang diterima pakai, pada September 2021 mengesahkan hasrat EU untuk meningkatkan lagi penglibatannya dengan rantau itu.

Global Gateway ialah tawaran Kesatuan Eropah untuk menghubungkan dunia dengan pelaburan dan perkongsian untuk menangani cabaran global terbesar, iaitu perubahan iklim, keselamatan kesihatan global, pembangunan mampan, rantaian bekalan yang lebih kukuh.

Daripada keseluruhan peruntukan sebanyak 79.5 bilion Euro, 8.5 bilion Euro diperuntukkan untuk Asia dan Pasifik, jelasnya.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan bagi kedua-dua negara, diikuti dengan memotong kek dan penyampaian cenderahati daripada PYT kepada tetamu kehormat.

# 9 tamat Kursus Asas Pemandu Pelancong



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bergambar ramai bersama penerima sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong dan wakil dari Laksamana College of Business.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Selasa, 4 Oktober. - Penyampaian sijil kepada seramai sembilan orang yang telah lulus pemeriksaan secara teori dan praktikal bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong telah pun diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Ke-11 ini telah dikendalikan selama 10 hari bermula 23 Ogos 2022 hingga 3 September 2022. Kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 di mana ia merupakan sebagai salah satu prasyarat Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong di negara ini.

Sejak kursus ini mula diperkenalkan, seramai 201 Pemandu Pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dikendalikan secara kerjasama di antara pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pihak Laksamana College of Business (LCB), iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Kursus Asas Pemandu Pelancong ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang Pemandu Pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap Pemandu Pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya dalam kalangan belia di negara ini.

Peserta kursus ini telah didedahkan terhadap teknik-teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai Pemandu Pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik serta pengenalan berhubung industri pelancongan di negara ini.

Bagi Pemandu Pelancong yang telah lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong.

Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pihak persendirian yang mengendalikan perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah dan boleh dikenakan denda mengikut peraturan 21. di bawah Perintah Pelancongan, 2016 iaitu i) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerjaya profesion sebagai Pemandu Pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di negara ini.

Oleh yang demikian adalah penting bagi setiap Pemandu Pelancong yang berlesen memainkan peranan dan tugasan yang penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan mudah difahami.

Melalui perkhidmatan yang kompeten dan profesional setentunya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan selain daripada menjana kualiti dan imej pelancongan di negara ini.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi Pemandu Pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibukakan bagi penyertaan orang ramai pada awal tahun 2023 nanti. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi LCB.

# DOA KESYUKURAN SEMPENA MEMPERINGATI PENUKARAN NAMA BSB

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas, Selawat Tafrijiyyah dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-52 bagi Tahun 2022.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Sebagai mengenang jasa Al-Marhum Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memajukan dan memodenkan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan (BSB) disambut pada 4 Oktober setiap tahun.

Sehubungan itu, Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas, Selawat Tafrijiyyah dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada BSB Yang Ke-52 bagi Tahun 2022 diadakan petang tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan dan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Bacaan Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas, dan Selawat Tafrijiyyah pada majlis berkenaan dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohd Hasnal bin Haji Mohammad, sementara Doa Kesyukuran dibacakan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Bandar Brunei mula bertukar nama pada 4 Oktober 1970 dengan ditukar menjadi BSB. Pada tahun ini, ia disambut untuk kali yang ke-52 tahun.

Kawasan perbandaran BSB telah diperluaskan daripada 1,287 hektar, iaitu 12.87 kilometer persegi kepada 10,036.24 hektar, iaitu 100.36 kilometer persegi mulai 1 Ogos 2007.

Perluasan perbandaran ibu kota telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah diumumkan secara rasminya oleh KHEDN pada 19 Julai 2007.

Sepanjang tempoh pembangunan ibu negara yang dahulunya dikenali sebagai Bandar Brunei, pelbagai bentuk kemajuan dan perkembangan pesat khususnya BSB telah dicapai dalam pelbagai aspek seperti prasarana, infrastruktur, perhubungan, keagamaan, pendidikan, perekonomian, kesejahteraan, perniagaan, keselamatan, sosial dan sebagainya.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dalam kawasan BSB.

# Usaha majukan landskap industri ICT Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Oktober. - Dalam usaha untuk memajukan lagi landskap industri ICT Brunei, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC) dengan kerjasama Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), kini sedang membangunkan Profil Inovasi Digital (DIP) Brunei Darussalam.

DIP bermatlamat untuk memberikan penilaian terhadap kapasiti dan kematangan ekosistem negara kita bagi membantu pihak berkepentingan untuk memandu arah landskap inovasi, dengan tujuan untuk membina ekonomi yang berdaya saing, mampan, didayakan ICT.

Penilaian sedang dijalankan melalui beberapa siri penglibatan bersama pihak berkepentingan untuk menganalisis situasi semasa dan bersama-sama mencipta penyelesaian yang sesuai untuk merapatkan jurang inovasi digital.

Bengkel DIP tersebut diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dihadiri oleh pelbagai wakil dari agensi kerajaan, sektor swasta, akademi, rangkaian sokongan keusahawanan, sektor kewangan dan usahawan.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, yang menekankan tentang perlunya pihak berkepentingan untuk sama-sama menyumbang ke arah mendiagnosis dengan tepat kapasiti Negara Brunei Darussalam, untuk inovasi digital serta membangunkan projek konkrit, yang meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara digital, peneraju, di rantau ini, dengan Pelan Induk Ekonomi Digital sebagai platform dan menerima pakai Revolusi Perindustrian 4.0.

Pihak berkepentingan juga diingatkan untuk mempertimbangkan agenda seluruh negara untuk transformasi digital agar usaha ini berjaya.

ITU menyediakan pengenalan dan siri aktiviti, diikuti dengan mendalami serta menganalisis untuk menilai kekuatan dan kelemahan Brunei, dalam ekosistem inovasi digitalnya.




SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucapan perasmiannya.

Antara lain, objektif DIP adalah untuk menilai pelbagai aspek sumber yang terdapat di Brunei, seperti pembiayaan yang menyokong pembangunan teknologi inovatif, tahap bakat yang cekap dalam masyarakat Brunei dan kesediaan infrastruktur.

ITU baru-baru ini mengadakan satu temu bual bersama pemegang kepentingan utama yang menyumbang pada pembangunan landskap inovasi ICT untuk memahami landskap semasa dan aspirasi masa depan di negara ini, berkenaan inovasi ICT.

Dalam bengkel tersebut, ITU berkongsi alat penilaian yang boleh digunakan oleh pihak berkepentingan yang hadir untuk mengukur kedudukan Brunei dalam kitaran hayat keusahawanan, apakah jurang yang jelas yang perlu diutamakan untuk tindakan segera dan apakah program yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut serta masalah yang dikenal pasti dalam ekonomi.

Pihak berkepentingan kemudiannya memberi saranan mengenai komponen yang diperlukan untuk memastikan mereka dapat merealisasikan visi Wawasan Brunei 2035 dan sama-sama memberikan cadangan yang sesuai untuk pembangunan selanjutnya pada ekosistem inovasi ICT.

Hasil daripada alat penilaian juga boleh digunakan secara berkala bagi memantau status landskap industri ICT Brunei dan merancang langkah seterusnya.

Perunding ITU berkongsi, bahawa pihak berkepentingan boleh melihat bagaimana program tersebut mempengaruhi kategori sasaran dan adakah ia menyumbang dengan berkesan.







SEKITAR Bengkel Profil Inovasi Digital (DIP) Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, (kiri, kanan dan kanan sekali).

# Meringkaskan Tulisan Shalawat Dalam Penulisan

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENGUCAP** *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan perintah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmanNya :

**Tafsirnya** : *Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya bershalawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Bershalawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan.*

(Surah al-Ahzab : 56)

Jumhur fuqaha mengatakan bahawa mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* itu ada kalanya hukumnya wajib dan ada kalanya hukumnya sunat.

Tempat-tempat yang diwajibkan mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ialah pada *tasyahhud* akhir di setiap sembahyang, selepas takbir kedua sembahyang jenazah, dalam khutbah Jumaat, khutbah Hari Raya Fitrah dan khutbah Hari Raya Adha.

Selain itu, mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* hukumnya adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) pada setiap waktu. Antara waktu-waktu sunat yang sangat dituntut untuk memperbanyakkan mengucap *shalawat* dan salam itu ialah pada hari Jumaat dan malamnya, ketika menziarahi kubur Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, selepas azan dikumandangkan dan lain-lain.

Orang yang mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* akan dikurniakan kepadanya kelebihan dan keutamaan yang banyak, antaranya seperti yang disebut dalam hadits daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu,* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Sesiapa yang mengucap shalawat kepadaku sekali, maka Allah mengurniakan shalawat kepadanya sepuluh kali shalawat, dihapuskan daripadanya sepuluh dosa dan diangkat baginya sepuluh darjat.*

(Hadits riwayat an-Nasa'i)

Dalam hadits yang lain daripada 'Abdullah Ibn Mas'ud Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Manusia yang paling utama di sisiku (pada) Hari Kiamat adalah mereka yang paling banyak mengucap shalawat ke atasku.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Imam al-Munawi *Rahimahullah* menjelaskan bahawa maksud 'manusia yang paling utama' dalam hadits tersebut ialah orang yang paling hampir dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* di Hari Kiamat, orang yang lebih utama untuk menerima syafa'at Baginda dan orang yang lebih berhak mendapat pelbagai jenis kebaikan dan dijauhkan daripada keburukan.

Orang yang tidak mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pula akan mendapat kerugian yang besar. Dalam hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Hinalah seseorang itu, (apabila nama) aku disebut di sisinya, maka dia tidak mengucap shalawat ke atasku.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Mengucap *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi ucapan merupakan perkara yang sudah menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat Islam. Manakala *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi penulisan pula, ada sebahagian orang menulis *shalawat* dan salam itu secara sempurna seperti *shallallahu 'alaihi wasallam*, dan ada sebahagian orang pula menulisnya secara ringkas seperti SAW atau S.A.W.

Persoalan yang ingin diketengahkan di sini ialah apakah hukum meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* khusus dalam penulisan? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan hukum mengenainya.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, kita dituntut untuk menulis *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* selepas nama Baginda ditulis. Bahkan apabila nama Baginda berulang kali ditulis, maka kita juga dituntut untuk menulis *shalawat* dan salam itu walaupun berulang kali kerana sesiapa yang tidak berbuat demikian, maka dia terhalang daripada mendapat keuntungan yang besar.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata :

**Ertinya** : *Dan dituntut untuk memelihara penulisan shalawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, dan dia tidak jemu daripada mengulanginya (penulisan shalawat dan salam itu), sesiapa yang mengabaikannya, dia dihalang daripada mendapat keuntungan yang besar.*

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, para ulama menghukumkan sunat ke atas seorang penulis untuk mengulangi penulisan *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* setiap kali nama Baginda ditulis sebagaimana kata-katanya :

**Ertinya** : *Maka para ulama telah menghukumkan sunat agar seorang penulis itu mengulangi (penulisan) shalawat (dan salam) ke atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam setiap kali dia menulisnya (nama Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam).*

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, menulis *shalawat* dan salam selepas ditulis nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan kebiasaan amalan para ulama *salaf* dan *khalaf* kerana ia bertujuan untuk memuliakan dan mengagungkan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam.*

Menurut Imam as-Sakhawi *Rahimahullah*, menulis *shalawat* dan salam ketika nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ditulis itu adalah dituntut sepertimana dituntut untuk mengucapkan *shalawat* dan salam ketika nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* disebut kerana perbuatan sedemikian akan memberikan ganjaran pahala yang besar kepada pelakunya sebagaimana kata-kata beliau :

**Ertinya** : *Ketahuilah bahawa sesungguhnya sebagaimana dituntut engkau mengucap shalawat (dan salam) ke atas Baginda dengan lidahmu, maka begitu juga dituntut untuk ditulis shalawat (dan salam) ke atas Baginda dengan jari-jemarimu setiap kali engkau menulis nama Baginda yang mulia dalam kitab. Sesungguhnya bagi engkau dengannya (menulis shalawat dan salam) ganjaran pahala yang sangat besar dan ini suatu fadhilat yang diraih oleh pengikut-pengikut atsar, perawi-perawi khabar dan pendokong-pendokong sunnah.*

**MENURUT Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, menulis *shalawat* dan salam selepas ditulis nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* merupakan kebiasaan amalan para ulama *salaf* dan *khalaf* kerana ia bertujuan untuk memuliakan dan mengagungkan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam.***

**Menurut Imam as-Sakhawi *Rahimahullah*, menulis *shalawat* dan salam ketika nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ditulis itu adalah dituntut sepertimana dituntut untuk mengucapkan *shalawat* dan salam ketika nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* disebut kerana perbuatan sedemikian akan memberikan ganjaran pahala yang besar kepada pelakunya sebagaimana kata-kata beliau :**

**Ertinya : *Ketahuilah bahawa sesungguhnya sebagaimana dituntut engkau mengucap shalawat (dan salam) ke atas Baginda dengan lidahmu, maka begitu juga dituntut untuk ditulis shalawat (dan salam) ke atas Baginda dengan jari-jemarimu setiap kali engkau menulis nama Baginda yang mulia dalam kitab. Sesungguhnya bagi engkau dengannya (menulis shalawat dan salam) ganjaran pahala yang sangat besar dan ini suatu fadhilat yang diraih oleh pengikut-pengikut atsar, perawi-perawi khabar dan pendokong-pendokong sunnah.***

### Meringkaskan Tulisan Shalawat Dan Salam

Meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam seperti seseorang itu hanya menulis 'SAW' sebagai ringkasan bagi *'Shallallahu 'alaihi wasallam'* adalah makruh hukumnya.

Imam as-Suyuthi *Rahimahullah* ada menjelaskan ketika mensyarahkan kata-kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah*:

**Ertinya** : *Dan dihukumkan makruh (menulis) lambang kepada keduanya (shalawat dan salam) dalam penulisan dengan satu huruf atau dua huruf, seperti orang yang menulis* صلعم *bahkan (dia dituntut untuk) menulis keduanya dengan sempurna.*

Adapun yang dimaksudkan dengan 'صلعم' itu ialah menjadikan huruf shad (ص) sebagai lambang bagi 'صلى', huruf Lam (ل) sebagai lambang bagi 'الله', , huiruf 'ain (ع) sebagai lambang bagi عليه dan huruf mim (م) sebagai lambang bagi 'وسلم' . Oleh itu, 'صلعم' adalah ringkasan atau lambang bagi 'صلى الله عليه وسلم'.




Imam Ibn 'Allan *Rahimahullah* menukilkan satu pendapat mengenai perbuatan meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam bahawa ia merupakan suatu penghinaan dan kurang adab bagi seorang penulis terhadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana kata-katanya :

**Ertinya** : *Dan ditakuti ke atas seorang penulis itu jika dia melambangkan (tulisan) shalawat dengan bentuk* صلعم *akan termasuk dalam golongan ini (golongan yang hina) kerana meremehkannya dan kurang adabnya (terhadap Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam).*

Manakala Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ketika menjelaskan mengenai perkara-perkara yang dituntut ke atas orang yang menulis ilmu, beliau mengatakan bahawa perbuatan meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam itu adalah kebiasaan orang-orang yang terhalang daripada mendapat kebaikan.

Dalam sebuah kisah daripada bapa an-Numairi *Rahimahullah* yang dinukilkan oleh Imam as-Sakhawi *Rahimahullah*, seorang lelaki daripada kalangan para ulama telah menulis satu salinan daripada kitab al-Muwaththa' (karangan Imam Malik *Rahimahullah*) dengan tulisan tangannya yang dihiasi dengan gaya tulisan yang cantik, akan tetapi lelaki ini telah membuang tulisan *shalawat* dan salam selepas ditulis nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan menggantikannya dengan huruf shad (ص). Pada ketika itu, salah seorang pemimpin berniat untuk memiliki dan membeli kitab-kitab lalu lelaki tersebut menunjukkan kitab al-Muwaththa' yang ditulisnya itu kepada pemimpin tersebut dengan harapan akan mendapatkan harga daripada penjualan kitabnya itu. Pemimpin tersebut merasa takjub dengan kitab yang ditulis lelaki itu lalu berniat untuk membelinya. Akan tetapi pemimpin itu menyedari akan perbuatan lelaki tersebut meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam dalam penulisannya, lalu dia menolak dan menjauhinya disebabkan perbuatannya meringkaskan *shalawat* dan salam itu. Akibatnya, lelaki itu masih berterusan terhalang daripada kebaikan.

Demikianlah penjelasan hukum mengenai meringkaskan tulisan *shalawat* dalam penulisan. Makruh hukumnya meringkaskan tulisan *shalawat* dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam penulisan kerana ia dianggap sebagai kelakuan yang tidak beradab terhadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam.*

# BORANG PENYERTAAN MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN DIBUKAKAN

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, selaku Urus Setia Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah akan mengadakan Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1444H, bermula pada bulan Januari 2023 dan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap sahaja.

Permohonan bolehlah dihadapkan secara dalam talian melalui pautan *bit.ly/mhq1444H* dan Media Sosial Urus Setia seperti berikut iaitu Weblog di *pppq-mabims.blogspot.com*; Facebook *pppq.mabims (official)*; Instagram *PPPQ.MABIMS (official)* dan Telegram *PPPQ.MABIMS (official)*.

Permohonan dibuka mulai Isnin, 3 Oktober 2022. Manakala tarikh tutup permohonan ialah pada Isnin, 14 November 2022. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 / +673 2233364.







## Tip KESIHATAN



# Kekalkan kualiti kesihatan jantung awda

**BERSEMPENA** dengan Hari Jantung Sedunia yang diraikan baru-baru ini, Tip Kesihatan pada keluaran kali ini akan memaparkan mengenai cara yang ideal untuk mengekalkan tanda jantung sihat dalam tempoh 12 minggu.

Terdapat banyak kepentingan untuk mengekalkan jantung yang sihat, namun tidak ramai yang tahu bagaimana untuk melakukannya. Berdasarkan kajian, perubahan gaya hidup boleh membantu awda untuk mengurangkan risiko penyakit jantung, adakah awda sudah bersedia?

**Minggu 1 - Kekalkan tanda jantung sihat melalui senaman**

Kurang melakukan senaman setiap hari adalah antara punca berlakunya banyak kematian setiap tahun. Oleh itu, untuk memastikan jantung sentiasa sihat, awda perlu bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dan secara beransur-ansur meningkatkan kekerapannya.

Cuba lakukan senaman secara teratur iaitu lakukan 150 minit senaman ringan seperti aerobik setiap minggu. Awda juga boleh melakukannya antara 4 hingga 5 hari seminggu selama 30 hingga 40 minit sehari.

**Minggu 2 - Berhenti merokok**

Berhenti merokok sangat membantu untuk kesihatan jantung awda akan tetapi, berhenti merokok juga boleh menjadi antara salah satu perubahan yang paling sukar untuk dilakukan.

Awda perlu menjauhi diri daripada persekitaran yang tercemar dengan asap rokok jika sekiranya awda seorang yang tidak merokok. Ini kerana, bukan hanya tabiat merokok sahaja yang boleh menjejaskan kesihatan jantung, tetapi menghidu asap rokok juga boleh memberikan kesan yang sama.

**Minggu 3 : Kekalkan tanda jantung sihat dengan kurangkan pengambilan lemak**

Lemak boleh menyebabkan kemudaratan kepada tubuh badan, terutamanya jenis lemak tepu. Mengurangkan pengambilan lemak tepu sebanyak mungkin boleh membantu mengawal berat badan dan mengurangkan risiko penyakit jantung serta juga kanser.

**Minggu 4 : Hadkan pengambilan lemak tepu dan lemak trans**

Menggantikan lemak tepu kepada lemak tak tepu boleh menurunkan tahap kolesterol jahat dan mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular dengan ketara.

Oleh itu, kurangkan pengambilan makanan yang diproses seperti marjerin, makanan sedia untuk dimakan, makanan segera dan ambil makanan yang kaya dengan lemak yang sihat seperti avokado dan juga minyak zaitun.

**Minggu 5 : Kawal tahap kolesterol boleh bantu kekalkan tanda jantung sihat**

Kurangkan paras kolesterol alam diet harian awda sebanyak mungkin untuk kekalkan jantung yang sihat. Awda digalakkan untuk makan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam pengambilan makanan harian.

Pilih ikan dan ayam tanpa lemak berbanding daging merah yang lebih tinggi kolesterol. Selain itu, makan pelbagai jenis kacang dan kurangkan minum minuman ringan.

**Minggu 6 : Kurangkan pengambilan garam**

Makan terlalu banyak garam dan makanan yang diproses boleh meningkatkan pengambilan natrium dan menjejaskan kesihatan jantung. Oleh yang demikian, hadkan pengambilan garam harian awda.

**Minggu 7 : Tanda jantung sihat boleh dikekalkan dengan pengambilan lebih serat**

Makanan yang kaya dengan serat boleh membantu menurunkan kolesterol darah. Pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran setiap hari selain minum lebih banyak air boleh memastikan sistem pencernaan sihat dan menurunkan kolesterol darah.

**Minggu 8 : Kawalan stres**

Tekanan dan perasaan marah boleh meningkatkan risiko penyakit jantung. Terlalu banyak tekanan atau stres yang dialami boleh meningkatkan tekanan darah dan merosakkan jantung.

Oleh itu, cuba hilangkan tekanan yang dialami untuk menjaga kesihatan jantung. Aktiviti senaman, melakukan yoga dan bermeditasi boleh membantu mengawal tekanan yang sedang dialami. Ia boleh membuatkan paru-paru dan badan menjadi lebih sihat malah kita selaku umat Islam, menunaikan sembahyang juga satu amalan yang sihat sekali gus memohon kepada Allah untuk menghilangkan tekanan atau stres, sentiasa ingat akan pertolongan Allah.

**Minggu 9 : Pilih makanan yang baik untuk kekalkan tanda jantung sihat**

Antara kepentingan mengekalkan jantung yang sihat adalah untuk menyokong fungsi jantung yang berterusan. Oleh itu, pemilihan makanan yang kaya dengan nutrisi boleh membantu menyokong kesihatan jantung. Pilih makanan awda dengan teliti dan lihat kandungan pemanis, lemak dan juga garam dalam makanan tersebut.

**Minggu 10 : Lakukan aktiviti fizikal**

Lakukan aktiviti fizikal baharu selain senaman fizikal yang selalu awda lakukan. Awda boleh mencuba melakukan yoga, berenang, bermain basikal dan bermacam-macam lagi aktiviti fizikal lain yang menyihatkan jantung.

**Minggu 11 : Ubah tabiat pemakanan awda**

Jika awa kerap makan di luar, tukarkan tabiat tersebut dengan kerap makan di rumah. Ini kerana, awda boleh mengawal sendiri sebarang kandungan dalam masakan di rumah berbanding di kedai. Selain itu, ubah juga cara penyediaan makanan daripada kaedah menggoreng kepada kaedah stim, rebus atau bakar.

**Minggu 12 : Sarapan setiap hari**

Setiap pagi, awda perlu bersarapan untuk memastikan diri sentiasa bertenaga sepanjang hari. Ini kerana ramai yang melewat-lewatkan waktu sarapan harian mereka. Awda perlu makan makanan yang sihat untuk sarapan pagi. Jadi badan dan jantung awda akan sentiasa sihat.

**Kesimpulan**

Melalui perkongsian Tip Kesihatan, *Hello Doktor*, antara kepentingan mengekalkan jantung yang sihat adalah untuk memastikan hidup awda boleh diteruskan dengan baik tanpa sebarang masalah kesihatan. Oleh sebab itu, awda perlu melakukan perubahan yang telah dinyatakan di atas bermula hari ini.

Ia tidak perlu dilakukan secara drastik, namun boleh dibuat dalam tempoh 12 minggu, selama mencuba dan selama mengorak langkah ke arah hidup yang sihat sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan dan juga Kementerian Kesihatan.

# 61 WARGA JKR TAMAT KURSUS FIRE MARSHAL



**PEMANGKU Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Awang Norazmi bin Othman selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil dan Surat Lantikan Fire Marshal bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kerja Raya.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Oktober. - Seramai 61 peserta, terdiri dari warga Jabatan Kerja Raya (JKR) menamatkan Kursus Fire Marshal, yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), baru-baru ini.

Dua sesi dilaksanakan oleh Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, pada Jun dan Ogos lalu, manakala satu sesi lagi dijalankan pada September, khusus untuk pegawai dan kakitangan yang bertugas di Pejabat Autoriti Jambatan Brunei (Brunei Bridge Authority).

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil dan Surat Lantikan Fire Marshal bagi Pegawai dan Kakitangan JKR disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Awang Norazmi bin Othman selaku tetamu kehormat, di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat JKR, Jalan Landasan Lama, Berakas, pada Sabtu, 1 Oktober 2022.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, JKR, Haji Amir Azman bin POKPSDP Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Majlis.

Beliau menekankan tujuan utama Kursus Fire Marshal bagi pegawai dan kakitangan, antaranya adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan pencegahan kebakaran di tempat kerja serta memahami tugas dan tanggungjawab seorang Fire Marshal.

Melalui kursus tersebut, para pegawai dan kakitangan akan lebih bersedia untuk bertindak dengan cara yang selamat dan teratur jika berlaku sebarang kecemasan atau kebakaran, di bangunan atau premis di bawah JKR.

Sebagai perkongsian maklumat di majlis berkenaan, satu sesi taklimat mengenai Kepentingan Pencegahan Kebakaran di Tempat Kerja, disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'C', JBP, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yussop.

Majlis turut diselajurkan dengan pelantikan para peserta sebagai Fire Marshal untuk tempoh empat tahun sepertimana yang diiktiraf oleh JBP dan JKR.

Dengan adanya lantikan ini, JKR akan mempunyai satu pasukan bertindak atau Emergency Response Team (ERT) bagi membantu dalam aspek pencegahan kebakaran serta bersedia untuk bertindak jika berlaku kebakaran atau kecemasan di tempat kerja masing-masing, di bawah JKR.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Jadikanlah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan

**NABI** Muhammad dilahirkan pada subuh hari Isnin, 12 Rabiulawal / 20 April 571M (dikenali sebagai Tahun Gajah, sempena peristiwa tentera bergajah Abrahah yang menyerang Kota Kaabah). Nama ayah Baginda Nabi Muhammad ialah Abdullah bin Abu Muttalib bin Hashim. Nama ibu Baginda ialah Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf. Pengasuh pertama Baginda ialah Barakah al-Habsyiyyah (digelar Ummu Aiman. Hamba perempuan bapa Rasulullah). Ibu susuan pertama ialah Tsuwaibah (hamba perempuan Abu Lahab). Manakala ibu susuan kedua ialah Halimah binti Abu Zuaib As-sa'diah (lebih dikenali Halimah As-sa'diah. Suaminya bernama Abu Kabsyah).

Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan perutusan Baginda sebagai Rasulullah adalah bukti teragung betapa luasnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh alam. Menerusi kerasulan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, Allah Subhanahu Wata'ala telah menyebarkan petunjuk dan hidayah-Nya kepada manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al Hadiid, ayat 28 yang mafhumnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan berimanlah kepada Rasul-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam), nescaya Allah mengurniakan kepada kamu dua bahagian rahmat-Nya dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya (pada Hari Kiamat) dan Dia akan mengampuni kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Demikianlah rahmat dalam perutusan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai penutup para nabi dan rasul. Apa jua yang datang dari sisi Baginda sama ada dari sudut pegangan akidah, amalan syariat dan pedoman akhlak adalah berasaskan bimbingan wahyu Ilahi yang wajib dipatuhi dan teladani.

Sesungguhnya iman dan Islam adalah suatu nikmat teragung yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh umat Islam. Ia adalah hasil pengorbanan dan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabatnya sejak 1400 tahun yang lalu. Dalam perkara ini adakah kita benar-benar menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai idola dan contoh ikutan? Adakah kita sendiri dan ahli keluarga serta masyarakat mengamalkan gaya hidup sebagai orang Islam seperti gaya hidup yang diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat?

Apa yang mendukacitakan kita sebagai umat Islam, generasi masa kini hanya sekadar mengenali nama dan mendakwa mencintai Rasulullah, tetapi tidak mengamalkan sunnah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Ali 'Imran, ayat 31 yang mafhumnya :

*"Katakanlah (wahai Muhammad) : "Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Allah Subhanahu Wata'ala seterusnya berfirman dalam Surah Al Ahzab, ayat 21 yang mafhumnya :

*"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".*

Antara contoh yang kita boleh teladani dalam kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah sifat penyayang Baginda dalam menyantuni ahli keluarga. Sesibuk manapun Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pemimpin umat Islam, Baginda tetap meletakkan keluarga sebagai keutamaan. Baginda sentiasa membantu melakukan kerja-kerja rumah tangga dan sering berbincang bersama isteri-isteri Baginda sebelum membuat sesuatu keputusan. Baginda bersikap lemah lembut serta sering bergurau senda, tidak mudah marah apatah lagi memukul isteri dan Baginda juga merupakan seorang bapa yang penyayang lebih-lebih lagi terhadap anak perempuan.

Imam Al-Tirmizi telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

*"Orang yang terbaik dalam kalangan kamu adalah orang yang paling baik (perilakunya) terhadap keluarganya, dan aku adalah orang yang terbaik dalam kalangan kamu terhadap keluargaku".*

Begitulah sewajarnya, rahmah itu bermula daripada dalam diri dan diterjemahkan kepada ahli keluarga sebelum disebarkan kepada masyarakat.

Sebagai seorang rasul yang membawa rahmat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam benar-benar telah menunjukkan sifat-sifat rahmah dalam kehidupan Baginda seharian. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah mencerca, mengutuk, menghina, dan melaknat golongan yang bukan Islam dalam dakwah Baginda.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu telah menceritakan, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

*"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diminta : "Ya Rasulullah, doakan kebinasaan ke atas kaum Musyrikin". Lalu Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : "Sesungguhnya aku diutus bukan sebagai pelaknat, tetapi sebagai pembawa rahmat".*

Demikianlah ketinggian budi pekerti Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang perlu kita contohi dan teladani dalam kehidupan seharian. Ungkapan rahmat kepada sekalian alam merangkumi hidayah, kebaikan dan keadilan Islam ke seluruh alam. Setiap makhluk akan merasai kesempurnaan rahmat ini tanpa ada sesuatu pun yang tersisih daripada limpahan kasih tersebut.

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَاْ عَبْدُكَ،
وَأَنَاْ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذکر بچاءن يغ ممباوا کبراونتوغن ساغت بسر کڤد ڤغعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْــــمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Makluman
Iklan Lanjutan

Bilangan Tawaran :
EGNC / PM / 4.1 / 3.2022

Tajuk Tawaran :
THE SUBSCRIPTION FOR THE PROVISION OF DEDICATED AND SECURED ONE GOVERNMENT NETWORK LINES AND ASSOCIATED SERVICES WITHIN BRUNEI DARUSSALAM INCLUSIVE OF INTERNET SERVICES FOR ALL GOVERNMENT AGENCIES, PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MAKLUMAN IKLAN LANJUTAN

Tajuk Sebut Harga :
KKBS / OBBD / F-004 (03-2022)

Tajuk Sebut Harga :
RE-QUOTATION MEMBEKAL PERALATAN / PERKAKAS KEGIATAN DARAT BAGI MENGENDALIKAN KEGIATAN / AKTIVITI DI OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tajuk Sebut Harga :
KKBS / OBBD / F-004 (04-2022)

Tajuk Sebut Harga :
RE-QUOTATION MEMBEKAL PERALATAN / PERKAKAS AIR BAGI MENGENDALIKAN KEGIATAN / AKTIVITI DI OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD), KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tarikh Tutup Sebut Harga Dilanjutkan Sehingga :
Khamis,
13 Oktober 2022
Tidak lewat jam
2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 149 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR ELECTRICAL MAINTENANCE WORKS AND EMERGENCY WORKS FOR JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA (LAMA) FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

## HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN KEMENTERIAN KESIHATAN

IKLAN TAWARAN SECARA AM

JUALAN LELONG

Bilangan Tawaran :
01 / KPE / SSBH / 2022

Bagi

1 Unit Computed Tomography (CT) Scan Machine, Brillance 16 CT

Pada :
Rabu,
5 Oktober 2022 hingga
Rabu,
19 Oktober 2022
(Sehingga jam 11.00 Pagi)

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Jawatan :
Kerani Bahasa Arab Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian :
IV

Tangga Gaji :
D.1-2-3 EB. 4-5
(BND530.00 - BND1,625.00)

Kekosongan :
SATU (01)

Tarikh Buka Permohonan :
Rabu,
28 September 2022

Tarikh Tutup Permohonan :
Rabu,
12 Oktober 2022

Rujukan Iklan :
UNISSA / KBA / 003 / 2022

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 71 / 2022 / 2023
[DA(BPPA-OKT-2022)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH DATO JAMIL
2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG BENDAHARA LAMA
3. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF
DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
KOD BLOK : SM/03
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 72 / 2022 / 2023
[DA(BPPA-OKT-2022)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI:
1. SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
2. SEKOLAH RENDAH BATU MARANG
DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
KOD BLOK : SM/14
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 73 / 2022 / 2023
[DA(BPPA-OKT-2022)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH PUSAR ULAK
2. SEKOLAH RENDAH HAJI MOHD JAAFAR MAUN, KIULAP
DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
KOD BLOK : SM/17
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 74 / 2022 / 2023
[DA(BPPA-OKT-2022)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN MAKAN BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH PANCHONG
2. SEKOLAH RENDAH BENUTAN
DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
KOD BLOK : MKN/03
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 75 / 2022 / 2023
[DA(BPPA-OKT-2022)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN ASRAMA BASAH BAGI SEKOLAH MENENGAH PG JAYA NEGARA PG HJ ABU BAKAR MUMONG, KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
KOD BLOK : AB/10
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
V DAN VI

Kategori :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 016 / 2022 - (SEW).T.VI

Nama Projek :
MENAIK TARAF PAIP PEMBETUNGAN UTAMA DI KAWASAN TADAHAN BRUNEI MUARA (DESIGN & BUILD)

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
15 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
13 Disember 2022
Tidak lewat dari jam
2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB / TA / 11
TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING OF PBX SYSTEM AT SG. AKAR, MINISTRY OF DEFENCE

Bayaran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa,
25 Oktober 2022.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 November 2022,
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2022-2023 / 29 / UPA

Tajuk Tawaran :
REQUEST FOR PROPOSAL PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN TAPAK LETAK KERETA JALAN BENDAHARA DAN ACARA SEPANJANG TAHUN DI KAWASAN PUSAT BANDAR SERI BEGAWAN

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
13 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Jabatan Pentadbiran dan Kewangan,
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Tawaran Jabatan Pentadbiran dan Kewangan,
JKR / DAF / LOG / JKRHQ KAFETERIA / 01 / 2022
Tawaran Penyewaan dan Pengurusan Kafeteria Di Atrium, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Airport Lama, Mukim Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen :
Selasa, 4 Oktober 2022,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin, 10 Oktober 2022,
Jam 8.30 Pagi

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas : II, III & IV

Kategori :
KPB12 Sahaja

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin,
19 September 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Pada :
Selasa, 11 Oktober 2022,
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di
Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TEMB / T018 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELENGGARAAN LUAR BAGI PEKAN BANGAR DAN KAWASAN BERDEKATANNYA, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

No. Projek :
JASTRE / TEMB / T018 / 2022

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2022-2023 / SH-30

'PEMBEKALAN FIRE FIGHTING GEAR UNTUK PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM'

Tarikh Tutup :
Rabu,
12 Oktober 2022

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 139 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract 12 Months For Rubbish Collection To Tanah Perkuburan Islam Selected Area Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
12 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 2

Tajuk Tawaran :
'QUOTATION FOR SUPPLY AND DELIVERY OF TEXT BOOKS FOR COLLECTIONS OF THE LAW LIBRARY, ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Oktober 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

---

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 1

Tajuk Tawaran :
'QUOTATION FOR SUPPLY, DELIVERY AND FIXING HIGH CAPACITY OFFICE PAPER SHREDDER AT ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 11 Oktober 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

---

# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

2 MINGGU SEBELUM

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 95 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMMAD HILMIE BIN MD DAUD**
**(BYIC No. 01-039227)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-3)**, Mahkamah Besar pada **27 September 2022, jam 11.15 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **27 September 2022, jam 11.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**10 September 2022**

**KES NO. BCY / CP / 203 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**NORA SAUFIZURYANTI BINTI HAJI SAPRI**
**(BYIC No. 00-278599)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-3)**, Mahkamah Besar pada **27 September 2022, jam 10.15 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **27 September 2022, jam 10.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**10 September 2022**

**KES NO. BCY / CP / 35 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMMAD FADZUL IZZAUDIN BIN SAWAL**
**(BYIC No. 01-057926)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 Januari 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-3)**, Mahkamah Besar pada **26 September 2022, jam 8.30 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **26 September 2022, jam 8.30 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**8 September 2022**

**MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**KES NO. BCY / CP / 94 / 2022**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**NUR AWFIYAH DARWISYAH @ MARINAH CHAN BINTI ABDULLAH CHAN**
**(BYIC No. 00-301793)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)**, Mahkamah Besar pada **30 November 2022, jam 10.00 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **30 November 2022, jam 10.00** pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**19 September 2022**

**KES NO. BCY / CP / 118 / 2022**

**BAIDURI BANK BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**SUZIYANAWATI BINTI HAJI IBRAHIM**
**(BYIC No. 00-026504)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)**, Mahkamah Besar pada **30 November 2022, jam 9.30 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **30 November 2022, jam 9.30** pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**19 September 2022**

**HAJAH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/p Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**KES NO. BCY / CP / 51 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**IRWAN MAWARDI BIN HAJI HUSSAIN**
**(BYIC No. 00-262643)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-3)**, Mahkamah Besar pada **17 Oktober 2022, jam 3.15 petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **17 Oktober 2022, jam 3.15 petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**17 September 2022**

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/p Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**KES NO. BCY / CP / 28 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMMAD SYAFIQ NAZIRULARIFFIN BIN HAJI MASHARUN**
**(BYIC No. 01-090772)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-6)**, Mahkamah Besar pada **21 November 2022, jam 9.00 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 November 2022, jam 9.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**19 September 2022**

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(30) KHEU.PDI 300-001 JILID 26**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Sebut Harga Membekal Kain Sarong Berjahit Bagi Hadiah Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(31) KHEU.PDI 300-001 JILID 26**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Sebut Harga Membekal Tikar Sembahyang Bagi Hadiah Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(32) KHEU.PDI 300-001 JILID 26**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Sebut Harga Membekal Telekong Bagi Hadiah Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Rabu, 19 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang**

# PENDAFTARAN MEMBAHARUI KAD PENGENALAN HIJAU DIBUKAKAN

**Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Bermula Isnin, 10 Oktober 2022, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) akan membukakan pendaftaran Kad Pengenalan berwarna hijau iaitu bagi permohonan baharu, memperbaharui dan menggantikan Kad Pengenalan yang rosak atau hilang.

Bagi pendaftaran di Ibu Pejabat, pemohon-pemohon bolehlah membuat janji temu melalui Aplikasi QueUP atau secara *walk in* ke Kaunter Bahagian Pendaftaran Kad Pengenalan di Aras Bawah, Bangunan JIPK. Manakala di pejabat-pejabat cawangan adalah secara *walk in*.

JIPK seterusnya ingin memaklumkan bahawa waktu kaunter perkhidmatan bagi pendaftaran dan pengambilan Kad Pengenalan di Ibu Pejabat, JIPK, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 7.45 pagi hingga 4.00 petang, manakala di pejabat-pejabat cawangan bermula jam 7.45 pagi hingga 11.00 pagi dan jam 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Dalam pada itu, kaunter-kaunter juga dibuka pada setiap Jumaat bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

JIPK sukacita menasihatkan orang ramai untuk melengkapkan borang permohonan dan membawa dokumen-dokumen berkaitan bagi melancarkan proses pendaftaran.

Selain itu, orang ramai adalah diperingatkan untuk memastikan kesemua individu yang hendak membuat permohonan Kad Pengenalan untuk menghadirkan diri semasa pengambilan nombor giliran diberikan.

Borang pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK *www.immigration.gov.bn*.







# Ekspo Souq Al-Qudwah labuh tirai

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah**



**PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada usahawan yang menyertai Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Oktober. - Pameran dan jualan di Ekspo Souq Al-Qudwah diteruskan lagi bagi hari keempat dan terakhir semalam dengan aktiviti-aktiviti untuk memeriahkan lagi Ekspo, yang berlangsung di OneCity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching.

Antara pengisian aktiviti ekspo pada hari tersebut ialah Azan secara Live; peraduan-peraduan bagi para pengunjung ekspo, seperti Mewarna, Menulis Jawi, Menulis Khat, peraduan Membaca Jawi, Membaca Sayyidul Istighfar, Menghafal Selawat Tafrijiyyah; dan Persembahan Tausyeh Belia daripada Firqah Raudhatul Munawwarah.

Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 berakhir malam semalam itu turut dihadiri oleh Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub selaku tetamu kehormat.

Atur cara Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dayang Nuraini binti Muhd. Amlee.

Majlis turut diselajurkan dengan penyampaian sijil kepada usahawan-usahawan yang menyertai Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0.

Antara usahawan yang turut menyertai ekspo jualan dan pameran ialah Ahli-ahli Konsortium Mualafpreneurs, Belia Muallaf As-Syahadah, Kedai buku PDI, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Ahli-ahli Penerima Agihan Zakat Majlis Ugama Islam (MUIB) dan (PROPAZ), di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat Usahawan Bekarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kaligrafi Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rakan Seliaan dan INSAF, Program BIBDSEED dan Transformasi Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Majlis diakhiri dengan Doa Penutup majlis, dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, seterusnya Dikir Syarafil Anam beramai-ramai.



# Cuaca aktif diramalkan berlaku 3 hingga 9 Oktober

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Oktober. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kemas kini maklumat nasihat cuaca.

Menurut maklumat nasihat cuaca yang dikeluarkan oleh BDMD, keadaan cuaca aktif diramalkan bermula pada petang ini hingga Ahad, 9 Oktober 2022.

Hujan lebat dan berpetir dijangka sekali sekala menjejaskan negara dan kawasan laut.

Kelajuan angin meningkat sehingga 50 kilometer sejam semasa hujan lebat atau berpetir.

Risiko banjir kilat di kawasan rendah dan mudah banjir (terutama jika bertembung dengan air pasang) semasa hujan lebat.

Orang ramai termasuk pemandu di jalan raya dan pelaut adalah dinasihatkan supaya mengambil langkah sewajarnya demi keselamatan semua semasa keadaan cuaca aktif.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi telefon bimbit, iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114, +673 2345567 atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *facebook.com/bruneiweather* dan Instagram *bruneiweather*.

# DARI MAHKAMAH

## DIHUKUM DENDA BND80,500 AKIBAT MILIKI BARANG TEGAHAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BELAIT**, Selasa, 4 Oktober. - Kerana memiliki barang tegahan, seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND80,500 atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Fam Siew Liang, berumur 46 tahun, mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan oleh Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret, Kuala Belait, hari ini.

Jika gagal membayar denda berkenaan, maka hukuman 25 bulan penjara dijatuhkan ke atas tertuduh.

Fam Siew Liang didakwa atas kesalahan kerana memiliki sebanyak 76 karton dan 123 paket rokok pelbagai jenis bagi pertuduhan pertama sementara pertuduhan kedua, tertuduh memiliki sebanyak 58 botol minuman keras pelbagai jenis.

Tertuduh ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sebuah rumah di kawasan Jalan Mumong, Kampung Kuala Balai, Kuala Belait pada 11 Ogos 2022.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas dan diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## Dipenjara, disebat kerana mencabul

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Oktober. - Seorang lelaki, warga tempatan, berusia 22 tahun, dijatuhkan hukuman lapan bulan penjara dan dua kali sebatan atas satu pertuduhan kerana mencabul kehormatan seorang remaja perempuan, berusia 16 tahun.

Majistret Syafiq bin Haji Zakaria menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Rafaie bin Muhd Ramli, bermula 17 September 2022.

Dalam fakta kes, mangsa adalah kenalan rapat rakan defendan, di mana pada 4 Jun 2022, jam 8.00 malam, defendan dan rakannya itu mengambil mangsa di rumahnya, di Kampung Lumut, Kuala Belait dan membawa mangsa lepak di Dermaga Tutong hingga jam 2.00 pagi.

Defendan kemudian menghantar rakannya pulang di Daerah Tutong, sementara mangsa duduk di tempat belakang menunggu defendan menghantarnya pulang.

Namun, sebelum mereka sampai ke Kampung Lumut, defendan menghentikan keretanya di tepi jalan, Mumong Bypass sambil menaikkan tingkap cermin kereta dan duduk di tempat belakang bersama mangsa.

Defendan juga bertanya kepada mangsa, sama ada dia mahu melakukan hubungan seksual bersamanya, namun mangsa memberitahu, bahawa dia tidak mahu melakukan hubungan seksual bersama defendan.

Dan defendan terus memaksa dirinya melakukan hubungan seksual terhadap mangsa.

Mangsa meminta defendan untuk melepaskannya, namun tidak diendahkan dan malah terus mencabul kehormatan mangsa.

>> Muka 22

## Padah memiliki barangan vape

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan hari ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND34,100 atau 15 bulan penjara, jika gagal membayar denda ke atas seorang lelaki warganegara Malaysia atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Tertuduh, Wong Tuck Wei, berusia 40 tahun, mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan oleh Majistret Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman.

Wong Tuck Wei didakwa kerana memiliki sebanyak 461 unit barangan *vape* dan sebanyak 53 unit aksesori *vape* semasa tangkapan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Kastam di Pos Kawalan Ujong Jalan, Daerah Temburong pada 28 September 2022.

Semua barang yang terlibat, iaitu barangan *vape* dan aksesori *vape* dihukum rampas dan diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

# Kenali Bahasa Brunei

**Dausah** bermaksud tidak usah.
Contoh pemakaian kata : ***dausah***tah kita ka mari, aku saja ka sana.

**Mandayung** bermaksud menggerakkan tangan untuk memukul seseorang dengan kerasnya.
Contoh pemakaian kata : sakalinya ***mandayung*** urang atu, tahampai tarus.

**Badiang** bermaksud berbaring atau duduk memanaskan badan dekat perapian selepas melahirkan.
Contoh pemakaian kata: lapasnya baranak, rajin ia ***badiang*** di kalangkapa.

**Diurang / durang** bermaksud mereka semua atau ganti nama diri ketiga dalam bentuk jamak.
Contoh pemakaian kata : ***diurang*** karang mandangani mamanyap naindah atu.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

# Selera Kampung Kitani

## Kampung Lumapas 'B'




Foto : Azmah Haji Ahad

## Kelupis

**BAHAN-BAHAN :**

Beras pulut 500gm
Santan 500ml
Sedikit garam
Sedikit minyak masak
Daun nyirik secukupnya

**CARA MEMASAK :**

Beras pulut dicuci bersih dan ditoskan.

Masukkan santan dan garam dalam kuali, lalu masak dengan api perlahan sehingga mendidih dan pecah minyak.

Masukkan beras pulut dan gaul sambil masukkan minyak masak sedikit demi sedikit. Gaul sehingga sebati, kering dan berkilat. Ingat, guna api perlahan.

Setelah sebati, angkat dan letak dalam bekas lain.

Bungkuskan pulut ke dalam daun nyirik.

Kukus kelupis selama satu jam. Angkat dan letak secara berdiri untuk keluarkan wap air. Ini penting untuk memastikan kelupis tahan lebih lama. Sedia dimakan bersama kuah kacang, rendang, kari ayam atau daging.

# 119 WAKIL PELBAGAI AGENSI HADIRI TAKLIMAT CUACA KEBANGSAAN




**PEGAWAI Pengurusan Bencana dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Awangku Muhd Naaim Syafii bin Pengiran Haji Besman dan Ahli Meteorologi dari Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Harnina binti Morani semasa menyampaikan taklimat (kiri dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Isnin, 3 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) kini memasuki Monsun Peralihan kedua yang bermula pada awal bulan Oktober 2022 dan berterusan hingga hujung bulan November 2022.

Bagi tempoh bulan Oktober dan November berkenaan, kesan angin tempatan akan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara, dengan keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengah hari.

Manakala ribut petir berlaku di kawasan pedalaman negara pada sebelah petang dan merebak serta menjejaskan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjutan hingga ke awal pagi keesokan harinya.

Perkara tersebut antara yang disentuh oleh Ahli Meteorologi dari Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Harnina binti Morani, ketika menyampaikan maklumat mengenai keadaan cuaca, iklim dan ramalan jangka panjang bagi Monsun Peralihan, pada sesi Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-17 secara fizikal, yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Sebagai makluman jelasnya, fenomena La Nina masih lagi berlaku di lautan Pasifik dari tahun 2020 hingga kini dan diramalkan berterusan sehingga Mac 2023.

Menurut beliau lagi, sebelum membuat ramalan jangka panjang, pihak BDMD akan memeriksa pelbagai model daripada pelbagai agensi kaji cuaca dan iklim antarabangsa sebagai rujukan.

BDMD tambahnya juga mengeluarkan nasihat cuaca sebagai panduan dan nasihat untuk orang ramai dan pelbagai agensi yang berkenaan mengenai kemungkinan berlakunya cuaca aktif dan tidak menentu yang boleh berterusan selama beberapa hari.

Selain itu, pihak BDMD juga mengeluarkan Pantauan Cuaca Brunei dan ia adalah untuk memberikan maklumat ringkas mengenai keadaan cuaca semasa yang berlaku di NBD dan impaknya kepada negara kita.

Sementara itu, Pegawai Pengurusan Bencana dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Awangku Muhd Naaim Syafii bin Pengiran Haji Besman, pula menyampaikan mengenai pengurusan bencana di NBD.

Menurutnya, pendekatan menyeluruh (Whole of Nation Approach) adalah mustahak bagi sama-sama berganding bahu dan bertanggung jawab dalam memastikan kesejahteraan rakyat adalah terjamin.

Seramai 119 wakil daripada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai menghadiri taklimat berkenaan yang matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna dan orang ramai mengenai dengan keadaan cuaca semasa bagi NBD.

Taklimat Cuaca Kebangsaan merupakan salah satu inisiatif BDMD dalam usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna seperti Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan, Kumpulan Ekonomi dan Industri, syarikat-syarikat pembinaan, syarikat-syarikat insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pihak media massa.

Di samping itu, taklimat berkenaan juga akan dapat memudahkan cara kesiap-siagaan kumpulan pengguna dan orang ramai dalam membuat perancangan dan sebarang tindakan awal dalam menghadapi sebarang keadaan cuaca.



**ANTARA yang mendengarkan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-17 secara fizikal, yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.**



# MINDA PEMBACA

## Wujudkan masyarakat sihat tanpa dadah

**MEMPUNYAI** taraf hidup yang tinggi dengan warga yang sihat dalam kalangan 10 negara teratas dunia merupakan antara yang ingin dicapai dalam Wawasan Negara 2035. Mungkin tidak salah jika sebahagian dari kita berpendapat bahawa warga yang sihat itu termasuklah warga dan masyarakat di Brunei ini bebas dari penyalahgunaan dadah. Untuk mencapai wawasan tersebut, kerjasama dari pelbagai pihak adalah amat penting terutama sekali jika bersangkut paut dengan penyalahgunaan dadah yang sememangnya bukan masalah baharu di negara ini.

Banyak pihak di negara ini sangat menitikberatkan masalah ini dan mereka saling bekerjasama untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan masalah dadah di negara ini demi memastikan Negara Brunei Darussalam tidak dicemari dengan isu sosial yang semestinya tidak dianggap remeh.

Pada hakikatnya, dadah boleh sahaja memudaratkan kesihatan fizikal dan kesihatan mental seseorang individu jika disalahgunakan tanpa tujuan tertentu. Seseorang boleh bertindak secara tidak rasional seperti keganasan yang memuncak serta hilang pertimbangan. Oleh yang demikian, pihak kerajaan mengharamkan individu menyalahgunakan dadah. Tegasnya, sesiapa yang didapati mengedar dadah akan dihukum gantung sampai mati.

Penyalahgunaan dadah merupakan pengundang pelbagai gejala sosial yang tidak mempunyai hala tuju dan matlamat yang jelas pada masa depan disebabkan oleh keruntuhan akhlak dan hilang kawalan. Hal ini boleh merosakkan kehidupan penagih dadah, malah ia boleh merosakkan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara.

Dalam Islam, dadah juga diharamkan berdasarkan kepada keterangan nas-nas (Al-Quran dan Hadis) kerana ia termasuk dalam pengertian umum benda-benda yang memabukkan, menghilangkan akal dan kedua-duanya mempunyai alasan hukum yang sama iaitu memabukkan atau membawa kebinasaan terhadap individu dan masyarakat. Ini dapat dibayangkan melalui firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud : *"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.."*

Golongan belia haruslah sedar bahawa dadah sangat berbahaya kerana boleh merosakkan akhlak mereka seterusnya memusnahkan masa depan mereka. Justeru belia sering kali diingatkan agar menjauhi diri daripada dadah. Katakan 'NDA' pada dadah. Jika tidak, nilai pembangunan yang dinikmati kini akan tiada nilainya, kerana pewaris yang meneruskan legasi tersebut telah tiada.

Kesimpulannya, sebagai golongan belia yang matang, seharusnya membuat persiapan yang terbaik dan jitu sepenuhnya kepada negara serta menerapkan semangat kental ke dalam jiwa mereka. Negara menaruh harapan yang tinggi terhadap belia kerana mereka merupakan aset penting yang perlu dijaga untuk mengerakkan dan memacu negara ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Ingatlah 'Negara Maju Tanpa Dadah'.

**Nama : Dk. Nur Azizah binti Pg. Mailin**
**No. K/P: 01-082XXX (K)**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'.** Tarikh Tutup **: 5 Oktober 2022**
2. **'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.** Tarikh Tutup **: 12 Oktober 2022**
3. **'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'.** Tarikh Tutup **: 19 Oktober 2022**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# 35 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



KEMENTERIAN Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah, Hospital RIPAS mengadakan Kempen Derma Darah.

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**SUNGAI HANCHING**, Selasa, 4 Oktober. - Dalam membantu meningkatkan Tabung Simpanan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah, Hospital RIPAS mengadakan Kempen Derma Darah, hari ini yang berlangsung di Atrium, Kompleks Membeli-belah One City, Kampung Sungai Hanching, di sini.

Kempen Derma Darah yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang itu berjaya mengumpulkan sebanyak 35 pain darah.

Selain memberikan kesedaran kepada orang awam akan manfaat dan kepentingan untuk mendermakan darah terhadap kesihatan, kempen tersebut juga bertujuan untuk memupuk sifat kebajikan dalam membantu pesakit yang memerlukan.

Pada kempen tersebut, pameran mengenai Penyakit Thalassemia juga diadakan bagi memberi kefahaman kepada orang ramai di mana penyakit tersebut merupakan penyakit genetik sel darah merah yang menyebabkan tubuh kekurangan sel darah hemoglobin yang berfungsi membawa oksigen ke seluruh tubuh.

Sementara itu, Jururawat Kakitangan di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS, Dayang Noor Ejiah binti Haji Emran ketika ditemui berkata bahawa pesakit-pesakit Thalassemia major adalah pembawaan waris daripada kedua-dua ibu bapa yang merupakan pembawa Thalassemia.

Menurutnya, pesakit-pesakit ini merupakan antara penerima yang sangat memerlukan pendermaan darah dan mereka menerima rawatan penambahan darah setiap dua ke empat minggu dan paling kerap dua minggu tertakluk kepada kondisi seseorang.

Beliau menambah, para pesakit ini menerima rawatan sepanjang hayat mereka dan disebabkan itu mereka memerlukan pendermaan darah yang mencukupi.

"Kami bersyukur banyak yang mahu membuat pendermaan darah bagi yang memerlukan bukan sahaja dalam kalangan kanak-kanak sahaja mahupun dewasa juga dan berharap ramai lagi yang mahu menderma darah," ujarnya.

# Pendaftaran dibukakan bagi Kempen Kebersihan Pantai

**Siaran Akhbar: Green Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Green Brunei dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre akan menganjurkan Kempen Kebersihan Pantai yang akan diadakan di Pantai Lumut dari jam 7.00 pagi hingga 9.30 pagi pada Ahad, 9 Oktober 2022.

Acara berkenaan berinisiatif untuk mengurangkan pencemaran pantai dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pantai yang bersih untuk masa depan yang lestari.

Pada masa yang sama, ia juga menolong mendidik dan menggalakkan kesedaran awam dan tanggungjawab terhadap alam sekitar melalui kepentingan pembuangan sampah yang betul.

Kempen Kebersihan Pantai berkenaan dianjurkan di bawah Happy Environment and Lifestyle Programme (HEAL) sambil menyokong 20 Billion Steps Challenge BN on the Move.

Acara berkenaan terbuka kepada orang ramai dan orang ramai bolehlah mendaftar melalui *https://bit.ly/pantai-lumutbcu*.

Selain daripada itu, sukarelawan yang mengumpul jumlah sampah paling tinggi akan menerima hadiah.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, bolehlah merujuk media sosial di *@greenbrunei* atau hubungi +673 837 8223 (Ong) / +673 721 6817 (Rasyiqah).

# Pelajari tatacara pengurusan kebakaran



TATACARA pengunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Oktober. - Seramai 20 Kakitangan Readymix Sdn. Bhd. mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari, bermula pada 27 hingga 29 September 2022 di Balai Bomba Bandar Seri Begawan, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Semasa kursus dijalankan para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal serta menjalankan latihan praktikal *in-house fire drill* di Balai Bomba Bandar Seri Begawan.

Antara langkah-langkah keselamatan yang perlu diketahui ialah mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran; mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik; tatacara penggunaan Alat-alat Pemadam Api dan Selimut Api dengan cara yang betul; dan tatacara untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran; serta mengenali perkakas dan peralatan kebombaan di Balai Bomba Bandar Seri Begawan dan Unit Operasi Wanita.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.






# Tiga abad penubuhan YSHHB

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan**

HARI ini, genaplah tiga abad usia penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). YSHHB yang mula ditubuhkan 30 tahun yang lalu bersempena dengan Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Baginda telah menitahkan penubuhan sebuah Yayasan yang dikenali dengan nama YSHHB pada Isnin, 9 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 5 Oktober 1992 Masihi.

"Seperti mana yang dihasratkan, bahawa Sambutan Jubli Perak beta ini, di samping untuk mengenang sejarah pemerintahan beta selama 25 tahun, juga tujuan yang lain, ialah untuk menzahirkan kesyukuran kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya mengizinkan pemerintahan ini berjalan dengan baik dan teratur.

"Memandangkan ini, beta rasa adalah wajar bagi beta untuk berbuat sesuatu, yang boleh menjadi tanda atau lambang kesyukuran itu, yang nanti dapat dinikmati faedahnya oleh rakyat dan penduduk.

"Maka disaat yang amat berbahagia ini, beta dengan sukacita mengumumkan penubuhan sebuah Yayasan yang akan menjadi ristaan kekal zaman pemerintahan beta. Yayasan ini akan berfungsi menurut dasar-dasar atau tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, iaitu sebagai amal jariah ataupun derma khairat beta dan ahli keluarga beta. Ianya akan boleh menghulurkan derma bagi faedah-faedah keugamaan, kebajikan, pendidikan dan lain-lain seumpamanya.

"Yayasan ini akan dipanggil dengan nama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah". Demikian petikan Titah Penubuhan YSHHB pada 9 Rabiulakhir 1413 / 5 Oktober 1992.

## Tujuan

Yayasan tersebut ditubuhkan di bawah satu akta yang digelar Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggal 166). Ia ditubuhkan berasaskan pada lima tujuan iaitu Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Pembangunan dan Kewangan.

Ugama

Menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa ugama untuk tujuan pendidikan ugama kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa;

Menghulurkan bantuan kewangan kepada seseorang atau pertubuhan atau badan bukan kerajaan yang menjalankan gerakan dakwah atau usaha meninggikan syiar Islam yang diiktiraf oleh kerajaan dengan syarat orang perseorangan atau pertubuhan atau badan itu mendapat kebenaran kerajaan untuk menjalankan gerakan atau usaha mereka itu, dan dengan syarat gerakan itu adalah bagi faedah di dalam Negara Brunei Darussalam (NBD) sahaja;

Menghulurkan bantuan ke atas pembinaan, pengurusan dan pemeliharaan sekolah-sekolah ugama dan masjid-masjid yang diusahakan oleh mana-mana orang atau pertubuhan atau badan bukan kerajaan dengan syarat usaha itu hendaklah mendapat kebenaran kerajaan.

Kebajikan

Mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan mengadakan skim bantuan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik seperti orang miskin, orang cacat dan lain-lain dan bantuan bencana alam;

Mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan mengadakan skim bagi membantu belia yang memerlukan latihan kemahiran dan memberikan bantuan kepada badan-badan sukarela yang diiktiraf oleh kerajaan;

Menanam dan memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosiobudaya dan sosioekonomi di kalangan rakyat Kebawah DYMM dengan mengadakan peraduan dan hadiah dalam bidang sastera dan kebudayaan;

Menghulurkan bantuan kepada pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan kerajaan.

Pendidikan

Mengadakan dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang memerlukan bantuan dari segi bayaran yuran sekolah, buku, alat projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan dan elaun tunjangan menurut syarat-syarat dan kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa;

Mengadakan bantuan ke atas penyelidikan dan perkembangan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi bagi kepentingan kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan

Pembangunan

Mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan pembangunan selain daripada yang dikendalikan oleh kerajaan.

Kewangan

Mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti perusahaan komersil dan industri yang sesuai dengan konsep dan tujuan Yayasan;

Membeli, menjamin atau sebaliknya mendapatkan sebarang stok dan saham;

Menubuhkan dari semasa ke semasa syarikat atau perbadanan untuk mengendalikan atau menguruskan sebarang projek, skim atau perusahaan.

## Dasar penubuhan

YSHHB ditubuhkan dengan tiga dasar utama iaitu menjadi wadah amal jariah Kebawah DYMM dan ahli keluarga baginda; sebagai tanda pemedulian dan kasih Kebawah DYMM kepada rakyat baginda yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan baginda. Menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan NBD yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## Projek

Sejak penubuhannya, YSHHB melaksanakan beberapa projek dan aktiviti selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya dalam bidang ugama, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan. Rakan-rakan strategik dan sukarelawan adalah merupakan antara nadi penggerak Yayasan dalam membantu memperkembangluaskan aktiviti amal dan kemasyarakatannya.

Di antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembangunan Bangunan Kompleks YSHHB dan Sekolah YSHHB. Selaras dengan tujuan dan objektif penubuhan Yayasan, Unit Sukarelawan juga telah ditubuhkan dengan tujuan memupuk kesedaran dan menaikkan semangat kesukarelawanan di dalam masyarakat.

Dengan perkenan Kebawah DYMM, bermula pada tahun 1424 Hijrah bersamaan 2003 Masihi, Yayasan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan menjemput kelompok masyarakat yang berlainan pada setiap tahun untuk diketengahkan dalam menjana kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, Yayasan juga menguruskan pembahagian kurnia peribadi Kebawah DYMM iaitu buah kurma, pakaian ihram dan telekong yang merupakan projek tahunan Yayasan.

Beberapa projek juga telah dilaksanakan antaranya ialah penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi sesi pengajian 2022/2023 kepada sembilan orang penuntut yang telah berjaya.

Selain itu YSHHB menyampaikan sumbangan kepada sejumlah lima buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran dan bencana alam; dan kepada sebanyak 74 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara yang keseluruhannya berjumlah BND110,450.00 pada 22 September yang lalu. Sumbangan ini merupakan bantuan segera dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Selain itu lebih banyak sumbangan bantuan diberikan kepada orang yang memerlukan seperti sumbangan bantuan peralatan dan keperluan persekolahan, sumbangan sempena bulan Ramadan dan juga ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Bagi golongan usahawan pula, terdapat satu skim iaitu Skim Pembiayaan Kebajikan dengan memberikan bantuan modal perniagaan bagi membolehkan mereka menjalankan dan memajukan usaha perniagaan sebagaimana yang telah mereka rencanakan. Ia merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar yang memerlukan iaitu berupa pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan berserta beberapa program dan kursus kemahiran yang bersesuaian. Bentuk bantuan modal yang diberikan adalah mengikut kriteria dan kesesuaian pemohon seperti kewangan, material, latihan dan pemantauan. Seramai 17 orang bakal 'Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah' telah menandatangani perjanjian bersama YSHHB pada 19 Mac 2021. Skim mula dilaksanakan pada tahun 2013.

Terdapat juga projek kelas tuisyen di bawah Program Intervensi Pendidikan YSHHB (PIP) yang bertujuan untuk membentuk masyarakat yang berpendidikan dan berilmu serta mempunyai daya saing dan bermotivasi, bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat yang dapat memecah lingkaran kebergantungan kepada bantuan kebajikan, serta menyatukan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi yang berkaitan dalam sama-sama berganding bahu dalam membantu mereka yang memerlukan.

Bermula 2017, YSHHB dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mula melaratkan Projek Tahsin PIP ke seluruh negara yang bertempat di pusat-pusat Kelas Tuisyen PIP di keempat-empat daerah di seluruh negara.

## Kesimpulan

Pada kesimpulannya, dasar penubuhan Yayasan adalah berakar umbikan Iman, Amal dan Ihsan. Iman itu wadah, Amal itu pemedulian dan Ihsan itu pembentukan masyarakat dan keharmonian.

Malah dengan penubuhan Yayasan tersebut, ia turut memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat melalui pengiklanan jawatan kosong dengan mempelawa pemohon yang layak untuk memenuhi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan YSHHB.

Sesungguhnya amal jariah baginda dan keluarga baginda ini telah mampu mengubah kehidupan golongan memerlukan kepada yang lebih baik, agar mereka itu dapat menjalani kehidupan selayaknya. Sama-samalah kita berdoa agar pahala ini akan terus mengalir dan diberkati. Marilah kita mendoakan raja *kitani* yang sudah berada di atas takhta selama 55 tahun ini sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan diberikan kesihatan yang baik.

# FIESTA DE LE LAMUNIN DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

**TUTONG**, Isnin, 3 Oktober. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lamunin dengan kerjasama AMAS Lamunin mengadakan Fiesta De Le Lamunin selama tiga hari yang bermula kelmarin dan akan berakhir esok.

Fiesta diadakan di kawasan lapang berdekatan dengan Bangunan AMAS Lamunin, di sini, telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, khasnya para penggemar buah-buahan tempatan yang sanggup datang berkunjung semata-mata untuk membeli buah-buahan tempatan.

Fiesta De Le Lamunin itu merupakan salah satu aktiviti MPK berkenaan yang diadakan bertepatan dengan musim buah-buahan tempatan khususnya raja buah, iaitu durian.

Antara lain Fiesta berkenaan diadakan ialah untuk menyatupadukan penduduk dan masyarakat kampung untuk sama-sama berkumpul menjual hasil tanaman mereka sambil mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk berkenaan.



DAYANG Norlane binti Barok ketika ditemu bual.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Pelita Brunei membuat tinjauan ke pesta berkenaan dan menemu bual salah seorang penjaja yang menyertai gerai jualan Fiesta berkenaan, iaitu Dayang Norlane binti Barok, berumur 59 tahun dari Kampung Bukit.

Beliau menjelaskan mengenai sambutan daripada orang ramai pada setakat ini adalah amat menggalakkan. Beliau juga menjual buah-buahan tempatan antaranya, buah pijat, durian kuning, rambutan dan bermacam-macam lagi.

Kesemua buah yang dijual itu jelasnya diambil dari kebun beliau sendiri di Kampung Bukit dan dijual kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan.

# Dipenjara, disebat kerana mencabul

>> Muka 18

Defendan sekali lagi bertanya kepada mangsa untuk melakukan hubungan seksual (bersetubuh) dengannya, tetapi mangsa menjawab jika defendan membayarnya.

Mangsa berbuat demikian, disebabkan dia mengetahui defendan tidak mempunyai wang dan dengan idea begitu mangsa dapat melepaskan diri dan dihantar pulang ke rumahnya.

Setelah mendengarnya, defendan kembali ke depan dan memberitahu mangsa untuk duduk di depan.

Defendan terus memujuk mangsa. Tapi, mangsa bertegas dan berulang kali menolaknya.

Disebabkan kecewa, defendan akhirnya memandu ke rumah mangsa.

Semasa menghampiri rumah, mangsa membuat keputusan untuk melompat keluar dari kereta untuk melarikan diri daripada defendan.

Pada ketika itu, ahli keluarga mangsa menunggunya di luar rumah dan melihat kejadian itu. Defendan menjadi takut dan memandu pergi.

Mangsa dan keluarganya terus membuat laporan ke Balai Polis Kuala Belait pada hari yang sama, yang membawa pada penangkapan defendan, pada 15 September 2022.

Pendakwaan kes tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.

# Penutupan sementara jalan raya bagi kerja pembaikan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Oktober. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutamanya pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara jalan raya menuju ke penurunan perahu Jalan Sungai mulai pada Rabu, 5 Oktober 2022, bermula jam 8.30 pagi, selama tiga hari.




**PENUTUPAN sementara jalan raya menuju ke penurunan perahu Jalan Sungai mulai Rabu, 5 Oktober 2022 bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan jalan raya yang rosak dan tidak rata di jalan berkenaan.**

Penutupan sementara jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan jalan raya yang rosak dan tidak rata di jalan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan dapat mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi pelbagai tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan pelbagai perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam 123 / Whatsapp Talian Darussalam 123 (+673 8 333123) ataupun e-mel: *pro@pwd.gov.bn*.

# Bantu kesan Indra Yanto

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing yang dilaporkan lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenai pekerja yang dimaksudkan adalah Indra Yanto, 41 tahun warganegara Indonesia, dengan no. pasport C7153536.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian telefon +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.



**INDRA Yanto, 41 tahun warganegara Indonesia, yang dilaporkan lari daripada majikan.**

# ALAI PINTAR

SOALAN 087

## SOALAN 5 OKTOBER 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Bilakah Bangunan Alat Kebesaran Diraja rasmi dibuka?
   a) 30 September 1995
   b) 30 September 1992
   c) 30 September 2020
2. Apakah tema sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022?
   a) Belia Berwawasan
   b) Menjayakan Wawasan Negara
   c) Generasi Berwawasan
3. Di daerah manakah letaknya Pantai Seri Kenangan?
   a) Daerah Belait
   b) Daerah Tutong
   c) Daerah Temburong

TARIKH TUTUP : 16 OKTOBER 2022

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..........
Tarikh Lahir : ..........
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........
Sekolah : ..........
Tahun : ..........
Alamat : ..........
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

**PEMENANG ALAI PINTAR 086 :**

Nama : Adwa' Shahaldea Marissael Iman Shahrol
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0130327-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba III

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 086**

1. a – 6 perkara
2. c – 20
3. b – Hendak membetulkan barang yang tidak diketahui, akhirnya semakin rosak

BERITA GLOBAL

# PELANCARAN PELURU BERPANDU LEPASI JEPUN TIDAK ANCAM PASUKAN AS, SEKUTU - INDOPACOM

**WASHINGTON**, 4 Okt - Pelancaran peluru berpandu balistik Korea Utara pada pagi Selasa tidak menimbulkan ancaman kepada angkatan tentera Amerika Syarikat (AS) di rantau itu, kata Komando Indo-Pasifik AS dalam satu kenyataan media.

Media melaporkan bahawa Korea Utara melancarkan peluru berpandu balistik jarak sederhana ke arah Laut Jepun.

Peluru berpandu itu dilaporkan terbang melepasi wilayah Jepun dan jatuh di Lautan Pasifik di luar zon ekonomi eksklusif negara itu, lapor Sputnik.

"Kami menyedari pelancaran peluru berpandu balistik Korea Utara hari ini, termasuk ia terbang melepasi Jepun," menurut kenyataan itu.

"Setelah penilaian dibuat, pelancaran peluru berpandu itu tidak menimbulkan ancaman kepada kakitangan AS, atau wilayah, atau kepada sekutu kami, tetapi kami akan terus memantau keadaan."

Amerika Syarikat sedang berunding dengan Jepun, Korea Selatan, termasuk rakan dan sekutunya yang lain untuk menangani situasi itu.

Amerika Syarikat turut mengecam tindakan ini dan menyeru Korea Utara menghentikan sebarang provokasi seterusnya, manakala komitmen AS terhadap pertahanan Jepun dan Korea Selatan kekal kukuh, menurut kenyataan itu.

Ketua Setiausaha Kabinet Jepun Hirokazu Matsuno berkata peluru berpandu yang dilancarkan oleh Korea Utara itu meliputi jarak kira-kira 4,600 kilometer (2,858 batu) dengan ketinggian pelancaran sekitar 1,000 kilometer (621 batu).- ©BERNAMA

# PM Jepun harap pelawat berbelanja besar untuk pulihkan ekonomi

**TOKYO**, 4 Okt - Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida berjanji pada Isnin untuk memulihkan industri pelancongan negara pasca pandemik dengan menetapkan matlamat baharu untuk melihat pelancong asing datang berbelanja lebih 5 trilion yen (AS$35 bilion) setiap tahun.

Dalam ucapan dasar pada permulaan sidang parlimen luar biasa, Kishida berkata kerajaan akan memanfaatkan penyusutan yen Jepun dan akan terus melonggarkan kawalan sempadan negara yang sebelum ini diperketatkan kerana COVID-19, lapor berita Kyodo.

Yen yang lebih lemah telah meningkatkan harga import, namun perdana menteri menyatakan kesediaannya untuk menangani peningkatan kos tenaga melalui tindakan yang "belum pernah dilakukan sebelum ini" bagi meringankan beban isi rumah dan syarikat.

Berikutan rakyat hadapi kesukaran akibat kos yang lebih tinggi, Kishida berkata kerajaannya merancang untuk menggalakkan kenaikan gaji dengan melabur 1 trilion yen untuk pembangunan sumber manusia, dalam bidang yang berpotensi untuk tempoh lima tahun, tambahnya.

"Kami akan berusaha sedaya upaya untuk memerangi kenaikan harga dan memulihkan ekonomi" Jepun yang kekurangan sumber, kata Kishida.

Menurut berita Kyodo, sidang parlimen luar biasa itu diadakan pada Isnin ketika persepsi orang ramai terhadap Kabinet Kishida merosot teruk sebahagian besarnya disebabkan oleh keputusannya mengadakan upacara pengebumian negara yang kontroversial untuk bekas perdana menteri Shinzo Abe yang dibunuh pada Julai lepas.

Rasa curiga akan dakwaan hubungan antara parti pemerintah Parti Demokratik Liberal yang diketuai oleh Kishida dengan sebuah kumpulan agama, Unification Church, yang dilihat sebagai kultus yang ditubuhkan pada 1954 oleh pengikut tegar anti-Komunis di Korea Selatan, juga menjejaskan populariti beliau.

Bagi meredakan kekecewaan orang ramai dan mengukuhkan semula imej pentadbirannya, sejak Oktober 2021, Kishida terpaksa memperkenal dasar-dasar yang boleh membantu mengimbangi kenaikan harga tenaga dan makanan.

Dalam ucapan pada Isnin, Kishida berkata kerajaannya memberi tumpuan kepada tiga perkara - tindak balas terhadap harga yang lebih tinggi berpunca daripada kejatuhan yen, kenaikan gaji serta pelaburan untuk pengembangan ekonomi, lapor Kyodo.

Kemasukan pelancongan merupakan pemacu utama pertumbuhan bagi ekonomi ketiga terbesar di dunia itu sebelum penularan koronavirus pada awal 2020. Perbelanjaan pelancong luar negara di Jepun mencatat rekod 4.8 trilion yen pada 2019, namun menjunam kepada kira-kira 120 bilion yen pada 2021.

Jepun, yang akan memansuhkan had ketibaan harian dari luar negara mulai 11 Okt ini, berharap penurunan yen dapat menarik pelancong untuk kembali.

Yen mencecah paras terendah dalam tempoh 24 tahun berbanding dolar AS pada September. Kejatuhan yen meningkatkan kuasa beli pelancong asing apabila mereka berada di Jepun.

"Kami akan memaksimumkan kelebihan yang dibawa yen yang lemah" untuk memulihkan ekonomi Jepun, kata Kishida.

Kemerosotan yen juga menyokong eksport apabila produk Jepun menjadi lebih murah di luar negara dan meningkatkan nilai pendapatan dari luar negara daripada segi yen, namun ia meningkatkan kos import, faktor yang berat kerana lebih 90 peratus daripada keperluan tenaganya diimport.

Kishida menyuarakan kebimbangan bahawa bil elektrik mungkin meningkat secara mendadak antara sekarang dan musim bunga kerana harga gas asli telah melonjak di seluruh dunia berikutan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada Februari.

Kishida berkata kerajaan akan merangka pakej ekonomi pada Oktober dan membentangkan rang undang-undang belanjawan tambahan yang diperlukan untuk tahun fiskal hingga Mac 2023 pada sesi Diet semasa.

Daripada segi pertahanan dan diplomatik, Kishida mengulangi pentadbirannya akan cuba mengemas kini garis panduan dasar jangka panjangnya - Strategi Keselamatan Negara Jepun, menjelang akhir tahun ini - semakan pertamanya sejak ia diterima pakai pada 2013, menurut Berita Kyodo.

Kishida, pemimpin yang lebih berdiplomasi dalam parti konservatif LDP, berkata kerajaan "tidak akan menolak apa-apa pilihan" untuk melindungi rakyat.

"Kami akan melindungi keamanan dan kestabilan di Asia dan dunia melalui diplomasi pelbagai peringkat dan pengukuhan drastik keupayaan pertahanan," kata perdana menteri.- ©BERNAMA

# Korea Selatan : Defisit perdagangan mungkin catat rekod tinggi US$48 BLN tahun ini

**SEOUL**, 3 Okt - Korea Selatan dijangkakan mencatat defisit perdagangan yang mencecah paras tertinggi kepada hampir US$50 bilion tahun ini, susulan peningkatan kos tenaga global, lapor Yonhap, memetik sebuah badan pemikir swasta pada Ahad.

Defisit perdagangan negara mungkin mencecah sekitar US$48 bilion tahun ini, kekurangan terbesar sejak data perdagangan yang berkaitan dikumpul pada 1964, menurut laporan Institut Penyelidikan Ekonomi Korea (KERI).

Anggaran defisit itu lebih daripada dua kali ganda defisit perdagangan US$20.6 bilion yang dicatatkan pada 1996, sejurus sebelum negara dilanda krisis kewangan Asia 1997-98.

Korea Selatan mencatat defisit perdagangan bagi bulan keenam berturut-turut pada September apabila pertumbuhan eksport menyusut, di tengah-tengah kelembapan global dan perbelanjaan import meningkat disebabkan peningkatan kos bahan api. Negara itu mencatat defisit perdagangan sebanyak US$3.77 bilion bulan lepas.

KERI, cabang penyelidikan konglomerat Persekutuan Industri Korea, menganggarkan defisit perdagangan negara itu akan mencecah US$37.5 bilion pada separuh kedua, dan terus meningkat kepada US$48 bilion untuk tempoh sepanjang tahun.

Penyusutan mendadak mata wang tempatan berbanding dolar US, turut mendorong kenaikan harga import. Won merosot sekitar 17 peratus berbanding dolar US setakat tahun ini, di tengah-tengah langkah pengetatan monetari agresif oleh Rizab Persekutuan.

Mata wang won yang lebih lemah lazimnya menjadikan eksport negara lebih murah, meningkatkan daya saing harganya. Namun penyusutan nilai won baru-baru ini berlaku serentak dengan penurunan mendadak mata wang utama pesaingnya, kecuali dolar yang terus kukuh.- ©BERNAMA

# Sentimen dalam kalangan pengilang Jepun merosot buat suku ketiga berturut-turut

**TOKYO**, 3 Okt - Sentimen perniagaan dalam kalangan syarikat besar Jepun merosot buat suku ketiga berturut-turut, turun daripada tahap sembilan tiga bulan sebelumnya kepada lapan pada September, berikutan kenaikan harga bahan mentah, lapor Xinhua, memetik Bank of Japan (BOJ) sebagai berkata dalam laporan Tankannya pada Isnin.

Bagaimanapun, indeks sentimen yang mengukur keyakinan dalam kalangan bukan pengilang meningkat kepada 14 berbanding 13 dalam tinjauan sebelumnya, meningkat buat suku kedua berturut-turut, berikutan aktiviti ekonomi yang meningkat sejajar dengan tindakan kerajaan menamatkan langkah antiviral yang sebelum ini menyekat beberapa amalan dalam perniagaan

Kenaikan harga tenaga dan komoditi terjejas susulan penurunan yen berbanding rakan utamanya, yang seterusnya menambah tekanan inflasi ke atas bahan mentah, menurut bank pusat itu.

Yen menyusut mendadak berbanding mata wang utama seperti dolar US dan euro, sekali gus meningkatkan kos bahan mentah yang diimport.

Berikutan keuntungan merosot akibat kenaikan kos, sentimen dalam kalangan firma yang bergantung kepada bahan mentah dan komoditi dari luar negara, seperti pulpa dan kayu sehinggalah kepada bahan kimia dan makanan, turut merosot dengan ketara, menurut laporan BOJ.

Untuk tempoh tiga bulan akan datang, menurut BOJ sentimen pengilang dijangka meningkat sedikit kepada tahap sembilan, manakala sentimen dalam kalangan bukan pengilang pula berkemungkinan turun kepada 11, memandangkan kos import yang lebih tinggi.

Indeks Tankan menggambarkan peratusan syarikat yang melaporkan keadaan menggalakkan, tanpa mengambil kira peratusan yang melaporkan keadaan tidak menguntungkan.- ©BERNAMA

# Tindak tegas menunggu anggota polis dan tentera dalam rusuhan bola sepak Indonesia

**JAKARTA**, 4 Okt. - Tentera Nasional Indonesia memberi jamninan akan mendakwa anggotanya yang melakukan kekerasan semasa menyuraikan rusuhan dalam tragedi 1 Oktober di Stadium Kanjuruhan, Malang, Jawa Timur, yang meragut 125 nyawa.

Menurut Panglima Tentera Jenderal Andika Perkasa, anggota yang didapati bersalah bukan lagi berhadapan dengan hukuman etika tatatertib tetapi hukuman jenayah.

“Tindakan (anggota) dalam video yang tular kelmarin bukan dalam konteks mempertahankan diri. Ia perbuatan jenayah kerana orang awam mungkin tidak akan sesekali mahu berhadapan dengan tentera,” katanya seperti dipetik media tempatan.

Andika turut menggesa orang ramai menghantar video tindakan anggota tentera yang melakukan kekerasan melampau semasa kejadian kepada pihak tentera.

Dalam video yang tular di media sosial, anggota tentera yang turut serta menjaga keselamatan di stadium bertindak kasar dengan menendang penyokong bola sepak hingga terjatuh.

Sementara itu, Polis Indonesia memecat ketua polis Malang dan sedang menyiasat lebih sembilan pegawai kerana didapati bertanggungjawab melepaskan gas pemedih mata di dalam stadium.

Tragedi itu berlaku selepas pasukan Arema FC tewas 3-2 kepada Persebaya Surabaya, mencetuskan kemarahan penyokongnya yang memasuki padang untuk bersemuka dengan pemain dan pegawai pasukan itu selepas perlawanan tamat.

Bagaimanapun, keadaan bertambah tegang dengan pasukan keselamatan melepaskan gas pemedih mata yang menyebabkan ribuan penyokong atas padang berasak-asak untuk keluar stadium melalui satu pintu sehingga berlaku rempuhan. Tidak kurang daripada 323 orang turut cedera.

Pihak keselamatan berdepan tekanan susulan penggunaan gas pemedih mata di dalam kawasan tertutup sekaligus menyalahi garis panduan stadium yang ditetapkan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA). - ©BERNAMA




ePaper Pelita Brunei

# ARAB SAUDI BAKAL ANJUR SUKAN MUSIM SEJUK ASIA 2029 DI TROJENA

**PHNOM PENH**, 4 Okt. - Perhimpunan Agung Majlis Olimpik Asia (OCA) ke-41 pada Selasa mengumumkan Arab Saudi sebagai tuan rumah bagi penganjuran Sukan Musim Sejuk Asia 2029.

Pusat peranginan pelancongan di Trojena akan menjadi bandar Asia Barat pertama yang menjadi tuan rumah bagi Sukan Musim Sejuk Asia, sejak 2017, lapor Xinhua.

Menteri Sukan yang juga Presiden Jawatankuasa Olimpik dan Paralimpik Saudi Putera Abdulaziz Bin Turki Al-Faisal menandatangani kontrak selaku tuan rumah bersama dengan pemangku presiden OCA Raja Randhir Singh, selepas perwakilan di Perhimpunan Agung di Phnom Penh sebulat suara meluluskan cadangan Saudi untuk menjadi tuan rumah bagi kejohanan terbabit.

"Ini adalah kemenangan besar bagi Saudi dan negara-negara Teluk. Kami berterima kasih kepada Majlis Olimpik Asia kerana memberi peluang ini.

"Trojena bakal menjadi destinasi sukan musim sejuk sepanjang tahun dan akan dibiayai sepenuhnya serta disokong oleh kerajaan.

"Kejohanan ini akan menyerlahkan potensi besar dan infrastruktur mega Arab Saudi bagi menganjurkan pertandingan Sukan peringkat antarabangsa dengan jayanya," kata Putera Abdulaziz.

"Sehingga kini saya masih tidak percaya bahawa saya akan bermain ski di tanah air saya," kata Fayik Abdi, atlet Saudi pertama yang menyertai Sukan Olimpik Musim Sejuk, di Beijing 2022. "Sekarang saya menantikan Sukan Musim Sejuk Asia di tanah air sendiri," katanya.

Sementara itu, Nadhmi Al-Nasr, Ketua Eksekutif Neom, berkata: "Trojena bakal dilengkapi infrastruktur yang sesuai bagi mewujudkan suasana musim sejuk di tengah padang pasir, serta menjadikan Sukan Musim Sejuk ini sebagai acara global yang belum pernah berlaku sebelum ini." - ©BERNAMA

# Juara dunia, Aaron-Wooi Yik mahu kekal momentum dalam jelajah Eropah

**KUALA LUMPUR**, 4 Okt. - Pasangan beregu lelaki utama negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik tahu mereka akan menjadi buruan selepas merangkul gelaran juara dunia pada Ogos lepas, dan pihak lawan sudah pasti akan berusaha menganalisis corak permainan mereka.

Dengan Terbuka Denmark yang akan menjadi kejohanan pertama sejak memenangi gelaran sulung mereka dalam Kejohanan Badminton Dunia BWF 2022 di Tokyo, Jepun, Wooi Yik percaya dua kejohanan Eropah berturut-turut (termasuk Terbuka Perancis) akan menjadi 'ujian litmus' buat mereka dari segi mengawal emosi untuk mengatasi musuh di gelanggang.

"Sejak beberapa minggu lepas, kami cuba mengubah strategi dan taktik kerana saya percaya beregu lain akan mengkaji permainan kami selepas kejohanan dunia.

"Saya harap Terbuka Denmark dan Terbuka Perancis akan menjadi pentas untuk membuktikan yang kami mampu mengawal emosi di dalam gelanggang," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas sesi latihan di sini hari ini.

Sementara itu, Aaron mengakui beliau lebih teruja untuk beraksi dalam Terbuka Denmark dan Perancis selepas mereka melakar nama dalam sejarah negara apabila menjadi rakyat Malaysia pertama memenangi gelaran dunia itu.

Aaron berkata tahap keyakinan mereka semakin meningkat sejak memenangi gelaran dunia itu dan berharap dapat mengekalkan momentum ketika beraksi di Terbuka Denmark 2022 yang akan diadakan di Odense dari 18 hingga 23 Okt dan Terbuka Perancis pada 25 hingga 30 Okt di Paris.

Aaron-Wooi Yik menewaskan juara dunia tiga kali Mohamad Ahsan-Hendra Setiawan dari Indonesia, 21-19, 21-14, pada final kejohanan dunia di Tokyo itu sekali gus menamatkan penantian 45 tahun Malaysia untuk meraih gelaran juara dunia yang pertama. - ©BERNAMA

# Pelumba Red Bull Sergio Perez juara Grand Prix F1 Singapura 2022

**SINGAPURA**, 3 Okt. - Pelumba Red Bull Sergio Perez muncul juara Grand Prix Formula 1 (F1) Singapura 2022, selepas mengharungi perlumbaan yang sengit dengan Charles Leclerc dari Ferrari yang menduduki tangga kedua.

Pelumba Mexico itu menjadi pemandu pertama merangkul juara kedua-dua Grand Prix Monaco dan Singapura untuk musim sama sejak Sebastian Vettel memenanginya pada 2011.

"Itu persembahan terbaik saya (dalam F1). Tiga pusingan terakhir begitu sengit. Saya memberikan segala-galanya untuk menang," kata Perez selepas perlumbaan yang berlangsung sebelah malam itu.

Sementara itu, Lewis Hamilton dari Mercedes yang pernah memenangi F1 Singapura empat kali, sekadar menduduki tempat kesembilan.

Perlumbaan diadakan di Litar Marina Bay Street sepanjang 5.063 kilometer (km) di sini dengan Pierre Gasly dari AlphaTauri melengkapkan senarai 10 teratas, dalam perlumbaan yang menyaksikan hanya 14 pelumba berjaya ke garisan penamat. - ©BERNAMA

# Pelari Kenya, Ethiopia juarai Marathon London 2022

**ANKARA,** 3 Okt - Pelari Kenya Amos Kipruto dan atlet Ethiopia Yalemzerf Yehualaw memenangi Marathon London 2022 yang berlangsung pada Ahad.

Kipruto muncul juara bagi kategori lelaki selepas menamatkan larian sejauh 42.1 kilometer (km) dalam masa dua jam, empat minit dan 39 saat, lapor Agensi Anadolu.

Leul Gebresilase dari Ethiopia ketinggalan 33 saat di belakang untuk menduduki tempat kedua, manakala atlet Belgium Bashir Abdi di kedudukan ketiga.

Sementara itu, Yehualaw memenangi kategori wanita dengan catatan masa dua jam, 17 minit dan 26 saat. Pemenang pingat emas Marathon London 2021 Joyciline Jepkosgei dari Kenya menamatkan larian di tempat kedua dengan catatan masa dua jam, 18 minit dan tujuh saat.

Atlet Ethiopia, Alemu Megertu di tempat ketiga.

Sejak 2006, perlumbaan London adalah antara enam maraton utama selain Tokyo, Boston, Berlin, Chicago dan New York.

Perlumbaan seterusnya akan diadakan di Chicago pada 9 Okt.- ©BERNAMA